Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005, Kumpulan telah mencatat perolehan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM323.8 juta berbanding RM188.3 juta yang diperolehi pada tahun kewangan sebelumnya yang berakhir pada 31 Disember 2004. Jumlah perolehan yang lebih tinggi pada tahun kewangan semasa adalah disebabkan oleh sumbangan lebih tinggi dalam sektor kejuruteraan & pembinaan dan pembangunan hartanah. Sektor pembangunan hartanah khususnya, telah didorong terutamanya oleh pembangunan yang sedang dijalankan di Kuala Lumpur Sentral.

Kesinambungan daripada itu, Kumpulan telah mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 iaitu sebanyak RM24.9 juta berbanding dengan RM22.3 juta yang diperolehi pada tahun kewangan sebelumnya yang berakhir pada 31 Disember 2004. Walau bagaimanapun, keuntungan bersih pada tahun kewangan semasa yang berjumlah RM13.8 juta adalah lebih rendah berbanding dengan RM33.6 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh pelarasan sebanyak RM23.0 juta bagi peruntukan cukai yang berlebihan pada tahun-tahun terdahulu yang diambil kira pada tahun kewangan sebelumnya.

MAKLUMAT KORPORAT DAN OPERASI

Seperti pada tahun-tahun yang lalu, Kuala Lumpur Sentral kekal sebagai pembangunan mercutanda MRCB. Ia telah mengukuhkan kedudukan Kumpulan di

MAKLUMAT KORPORAT DAN OPERASI (sambungan)

dalam sektor pembangunan hartanah sebagai salah satu daripada projek pembangunan komersil terbesar di bandaraya Kuala Lumpur. Apa yang lebih penting, ia telah meningkatkan status ibu negara sebagai sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa dan pusat perniagaan teras. Kerja-kerja pembinaan kami pada masa ini yang melibatkan Plaza Sentral Fasa 2 dan menara pejabat di Lot N, Kuala Lumpur Sentral masing-masing dijangka akan siap menjelang suku tahun pertama 2006 dan 2007. Apabila siap, pembangunan ini akan mempertingkatkan lagi imej Kuala Lumpur Sentral sebagai lokasi korporat bertaraf antarabangsa untuk syarikat-syarikat antarabangsa dan terkemuka, khususnya yang terlibat dengan sektor teknologi maklumat. Selain itu, status Kuala Lumpur Sentral sebagai Pusat Siber Koridor Raya Multimedia (MSC) pertama di negara akan menambahkan nilai-nilai bersinergi kepada syarikat-syarikat yang beroperasi di dalam pembangunan tersebut. Mengikut pelancaran yang dirancang untuk tahun 2006, kami menjangka akan memperolehi kira-kira tiga juta kaki persegi ruang pejabat dan komersil menjelang tahun 2009 untuk memenuhi permintaan pasaran semasa. Selain daripada itu, ruang jualan seluas satu juta kaki persegi juga akan disediakan pada tahun 2008 berikutan penyiapan sebuah Pusat Gaya Hidup dan pusat jualan bersepadu bernilai RM450 juta di Lot G.

Dalam sektor hartanah kediaman pula, kami terus meninggikan ukur rujuk gaya hidup dengan melancarkan Kondominium Suasana Sentral Loft kami yang merupakan satu kejayaan mengkagumkan berdasarkan kepada kadar pembelian sebanyak 95%. Di Kajang, para pemilik dengan gembiranya telah menerima kunci Pangsapuri Sutera dua bulan lebih awal daripada tarikh yang dijadualkan, di mana berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat, majoriti daripada mereka telah menyuarakan rasa puas hati secara menyeluruh. Pembangunan kami di Kajang pada masa ini adalah Residensi Ayu dan Pangsapuri Laman Suria e-Resort.

MAKLUMAT KORPORAT DAN OPERASI (sambungan)

Residensi Ayu, sebuah konsep kediaman berserta pejabat pintar atau "SOHO" yang pertama seumpamanya yang dibangunkan di Kajang, disasarkan kepada golongan profesional dan usahawan muda manakala pembangunan Laman Suria adalah satu produk kos sederhana yang menawarkan gaya hidup ala Bali pada harga yang mampu dimiliki.

Pusat membeli-belah utama Kumpulan, Plaza Alam Sentral, telah mengekalkan kedudukan dan pengkhususannya dalam penawaran pelbagai produk khusus pada harga kompetitif tanpa mengabaikan kualiti untuk memenuhi permintaan pasaran golongan berpendapatan sederhana yang tinggal di kawasan barat Lembah Kelang, dari Subang hingga ke Kelang. Kadar penghunian di pusat membeli-belah tersebut juga telah meningkat kepada 80% dan mencatat bilangan pengunjung paling ramai iaitu 6.5 juta orang pada tahun yang ditinjau. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 14% berbanding 5.7 juta pengunjung pada tahun 2004.

Walaupun terpaksa beroperasi di dalam persekitaran yang mencabar, namun Bandar Seri Iskandar masih merupakan pembangunan perbandaran utama di sepanjang Koridor Kinta-Pangkor. Beberapa pembangunan yang sedang dijalankan di sana akan siap untuk diserahkan pada awal tahun 2006.

Tahun yang ditinjau juga menyaksikan pembentukan bahagian Perkhidmatan Pengurusan Bangunan yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kemudahan bersepadu kepada syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan dan para pelanggan luar yang lain. Langkah ini dianggap sebagai tepat pada masanya berdasarkan aspirasi kami untuk menjadi pemaju hartanah bandar utama. Bahagian tersebut juga mempunyai potensi yang amat besar, baik di dalam mahupun di luar Kumpulan dan dijangka akan memberi sumbangan positif kepada perolehan Kumpulan pada tahun-tahun yang akan datang.

chairman's statement

CORPORATE AND OPERATIONAL HIGHLIGHTS (continued)

Our Infrastructure and Engineering & Construction divisions' portfolio of activities continued to grow in 2005. Work has commenced on the Duta-Ulu Kelang Expressway (DUKE), which is scheduled to be ready in 2008. When completed, DUKE will herald the success of MRCB's maiden investment and involvement in a highway concession project. In addition to current road and highway projects being undertaken, we are expected to secure new projects in the near future that will significantly increase our order book. Other notable road projects include the upgrading of Federal Route 5 and Sabak Bernam-Changkat Jering Highway which will further boost the Group's revenue in the next financial year 2006. In addition, the division's international venture in the upgrading of Osmani International Airport in Sylhet, Bangladesh is progressing well as scheduled.

In addition to the Sabah East-West transmission project which completes in 2006, the Group was also awarded several transmission line projects by Tenaga Nasional Berhad (TNB) in 2005 that have helped strengthen the Group's position as TNB's main developer of transmission network projects.

The Environment Services division remains the Group's fastest growing business segment following the securing of the Pulau Tioman and Kuala Sungai Pahang environmental projects on the back of the successful completion of the Teluk Cempedak beach rehabilitation project in Pahang State.

CORPORATE AND OPERATIONAL HIGHLIGHTS (continued)

In line with the Government's effort to instill a culture of high performance amongst Government Linked Companies (GLCs), the Group has implemented the Balanced Scorecard approach based on Key Performance Indicators (KPIs), which essentially link performance to compensation. The performance management system is already starting to show the desired results with all divisions registering strong revenue growth.

MOVING FORWARD

MRCB is well poised to register even higher growth in 2006 particularly in the property and engineering & construction sectors given the number of projects currently being undertaken and some of the new projects that are expected to be awarded in the coming year. However, let me assure you that our success, thus far, will only spur the Group to work harder in increasing its order book, expand its revenue growth, seek new related business opportunities and enhancing the development value of our premier landmark development of Kuala Lumpur Sentral. This is in line with the Group's set KPI targets in 2006 to drive and energize us for further growth in our core business activities and to ensure the Group's long-term sustainability. Looking ahead, the Group's projected revenue of RM1 billion by 2007 augurs well for our shareholders.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board, I wish to place on record the Board members and my sincere gratitude & appreciation to Yang Berbahagia, Datuk Zahari Omar, for his invaluable contributions during his tenure as a Board member up till 26 May 2005. At the same time, I wish to welcome on board, Encik Mohamad Lotfy Mohamad Noh who was appointed a Non-Independent & Non-Executive Director on 20 July 2005.

In addition, I would like to thank the management team and all employees of the Group for their unstinting efforts, personal commitment and invaluable contributions made during the year under review. I am confident that with their continued loyalty and support, we will be able to achieve our new set KPI targets and many more years of satisfactory performance.

In closing, I wish to reaffirm that we remain resolute in creating greater value for our shareholders and stakeholders. We look forward to many more years of close and strong working relationship with our shareholders, stakeholders, our customers, financiers, business partners, suppliers and the relevant authorities in our pursuit of mutual success growth. Your continued support and confidence would further enhance our capabilities and competitiveness.

Thank you.

Datuk Azlan Zainol
Chairman

penyata pengerusi

MAKLUMAT KORPORAT DAN OPERASI (sambungan)

Portfolio aktiviti bahagian-bahagian Infrastruktur dan Kejuruteraan & Pembinaan kami terus berkembang pada tahun 2005. Kerja-kerja pembinaan bagi projek Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE) telah pun bermula dan dijadualkan akan siap pada tahun 2008. Apabila siap dibina, DUKE akan menjadi simbol kejayaan MRCB di dalam pelaburan dan penglibatan sulungnya dalam projek konsesi lebuhraya. Selain daripada projek jalanraya dan lebuhraya yang dijalankan pada masa ini, kami turut menjangka untuk memperolehi beberapa projek baru dalam masa terdekat yang akan menambahkan buku pesanan kami dengan ketara. Sumbangan utama lain termasuklah projek-projek jalanraya menaiktaraf Laluan Persekutuan 5 dan Lebuhraya Sabak Bernam-Changkat Jering yang akan mengukuhkan lagi perolehan Kumpulan pada tahun kewangan 2006 akan datang. Selain itu, penerokaan antarabangsa bahagian iaitu projek menaiktaraf lapangan terbang antarabangsa Osmani di Sylhet, Bangladesh, kini sedang berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

Selain daripada projek Sambungtara Grid Timur-Barat Sabah yang akan disiapkan pada tahun 2006, Kumpulan juga telah diberi beberapa projek talian penghantaran baru oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2005. Ini telah membantu mengukuhkan lagi kedudukan Kumpulan sebagai kontraktor utama bagi projek-projek rangkaian penghantaran TNB.

Bahagian Perkhidmatan Alam Sekitar terus kekal sebagai segmen perniagaan Kumpulan yang paling cepat berkembang berikutan kejayaan memperolehi projek alam sekitar di Pulau Tioman dan Kuala Sungai Pahang selepas berjaya menyiapkan projek pemulihan pantai Teluk Cempedak di negeri Pahang.

MAKLUMAT KORPORAT DAN OPERASI (sambungan)

Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menanamkan budaya meningkatkan prestasi tinggi di kalangan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Kumpulan telah melaksanakan pendekatan Kad Skor Seimbang berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Penting (KPI) yang berperanan menghubungkan prestasi dengan ganjaran. Sistem pengurusan prestasi ini telahpun mula menunjukkan keputusan yang memberangsangkan dengan semua bahagian mencatat pertumbuhan perolehan yang kukuh.

MELANGKAH KE HADAPAN

MRCB berkemampuan untuk mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2006, khususnya dalam sektor hartanah dan kejuruteraan & pembinaan memandangkan bilangan projek yang sedang dijalankan dan beberapa projek baru yang dijangka akan diberi pada tahun akan datang. Walau bagaimanapun, saya ingin meyakinkan anda bahawa kejayaan yang kami capai setakat ini akan hanya mendorong Kumpulan untuk berusaha lebih gigih untuk menambahkan buku pesanan, mengembangkan pertumbuhan perolehan, mencari peluang perniagaan berkaitan yang baru dan mempertingkatkan nilai pembangunan bagi pembangunan mercutanda bertaraf perdana kami di Kuala Lumpur Sentral. Semuanya ini adalah sejajar dengan sasaran KPI yang ditetapkan oleh Kumpulan pada tahun 2006 untuk mendorong dan memangkinkan pertumbuhan yang lebih besar di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan teras kami dan memastikan kemampan jangka panjang Kumpulan. Memandang ke hadapan, unjuran perolehan Kumpulan menjelang tahun 2007 sebanyak RM1 bilion akan memberi manfaat besar kepada para pemegang saham kami.

PENGHARGAAN



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih & penghargaan tulus ikhlas daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah dan diri saya sendiri kepada Yang Berbahagia, Datuk Zahari Omar, atas sumbangan tidak ternilai sepanjang tempoh beliau memegang jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah sehingga 26 Mei 2005. Pada masa yang sama, saya juga ingin mengalu-alukan penyertaan Encik Mohamad Lotfy Mohamad Noh yang telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 20 Julai 2005.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan semua kakitangan Kumpulan di atas usaha gigih, komitmen peribadi dan sumbangan tidak ternilai mereka pada tahun kewangan yang ditinjau. Saya yakin, dengan kesetiaan dan sokongan mereka yang berterusan, kami akan mampu mencapai sasaran KPI baru yang ditetapkan dan keputusan prestasi syarikat yang membanggakan pada tahun-tahun mendatang.

Sebagai penutup, saya ingin menegaskan bahawa kami berpendirian untuk terus gigih dalam mencipta nilai yang lebih besar kepada para pemegang saham dan pemegang kepentingan kami. Kami berharap akan dapat meneruskan jalinan kerjasama yang rapat dan kukuh dengan para pemegang saham, pemegang kepentingan, pelanggan kami, para pembiaya, rakan-rakan perniagaan, para pembekal dan pihak berkuasa berkaitan dalam usaha kami meraih pertumbuhan kejayaan yang saling memanfaatkan. Sokongan dan keyakinan anda yang berterusan akan mempertingkatkan lagi kemampuan dan daya saing kami.

Terima kasih.

Datuk Azlan Zainol
Pengerusi



operations review

ulasan operasi



Property Division
Bahagian Hartanah
32

Building Services Division
Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Bangunan
40

Engineering & Construction Division
Bahagian Kejuruteraan & Pembinaan
44

Infrastructure & Concessions Division
Bahagian Infrastruktur & Konsesi
48

property division

KUALA LUMPUR SENTRAL

Property development and investment remains the mainstay of MRCB's core activities. As in previous years, the prestigious Kuala Lumpur Sentral project continues to enhance the Group's property development portfolio.

Phased until 2012, the development comprise corporate office towers and business suites, international hotels, luxurious condominiums, an integrated retail mall and an international entertainment and convention centre, all encompassed in the concept of a "city within a city" development.

Kuala Lumpur Sentral has come a long way in its quest to become an exclusive urban centre built around Malaysia's largest transit hub, offering global connectivity, excellent investment opportunities and an international lifestyle. Since the beginning of 2005, a number of milestones have been achieved that have firmly placed Kuala Lumpur Sentral closer to the completion of its 10-year blueprint.

Kuala Lumpur Sentral's competitive edge lies in its world-class transit hub, Stesen Sentral Kuala Lumpur, which provides unrivalled connectivity for businesses, residents, travellers and the public at large.

Current developments worth an estimated RM2.0 billion are in progress, comprising Sentral Plaza Phase 2, an office tower on Lot N, Suasana Sentral Loft condominiums, office towers on Lot J, a lifestyle centre and a retail mall. Work on all projects are well underway.



Progress of Kuala Lumpur Sentral development

SENTRAL PLAZA

Sentral Plaza Phase 1 and Phase 2 are set to become Kuala Lumpur Sentral's premier business address and a benchmark for prime office space in the city given the impressive take-up rates comprising of mostly blue chip multinationals and other reputable organizations.

While Sentral Plaza Phase 1 had registered a full take-up rate two years ago, Sentral Plaza Phase 2 reaffirmed Kuala Lumpur Sentral's growing attractiveness as a strategic business address with an impressive take-up rate of 95% to-date.

Construction of Sentral Plaza Phase 2 is well on track and due for completion in 2006. It will consist of 174 office suites in two towers with a net floor area of 642,000 sq. ft.

With state-of-the-art building features, Sentral Plaza Phase 2 will prove to be a sound investment due to high capital appreciation, attractive investment yield and freehold land tenure.



SUASANA SENTRAL CONDOMINIUMS (continued)

between MRCB and UM Land Berhad, signed an agreement in 2004 to develop the 37 and 38-storey apartment towers comprising a total of 600 units on Lot L.

The launch cum sales for Suasana Sentral Loft took place in early 2005. Within a short period of six months, Suasana Sentral Loft had registered an impressive take up rate of 95%. This is attributed to the attractiveness of living in close proximity to transit hubs as well as the growing demand for luxury accommodation. Construction has commenced and is expected to be completed by end 2007.

SUASANA SENTRAL CONDOMINIUMS

In view of the increasing attractiveness of Kuala Lumpur Sentral as a strategic residential address and the successful take-up of Suasana Sentral, our strategic partner Suasana Sentral Two Sdn. Bhd. (formerly known as Panorama Prominent Sdn. Bhd.), a joint-venture company

bahagian hartanah



KUALA LUMPUR SENTRAL

Pembangunan dan pelaburan hartanah kekal sebagai tunggak aktiviti teras MRCB. Seperti pada tahun-tahun lepas, projek Kuala Lumpur Sentral yang berprestij terus berperanan mempertingkatkan portfolio pembangunan hartanah Kumpulan.

Pembangunan berfasa yang akan dibangunkan hingga 2012 tersebut meliputi menara-menara pejabat korporat, suit-suit pejabat, hotel-hotel antarabangsa, kondominium mewah, pusat membeli-belah dan sebuah pusat hiburan & konvensyen bertaraf antarabangsa yang semuanya merangkumi konsep pembangunan “bandar di dalam bandar”.

Kuala Lumpur Sentral telah mengharungi pelbagai cabaran dalam usahanya menjadi sebuah pusat bandar yang dibina di sekeliling hab transit terbesar di Malaysia, yang menawarkan hubungan global, peluang-peluang pelaburan yang mengagumkan dan gaya hidup bertaraf antarabangsa. Beberapa kejayaan yang dicapai sejak awal tahun 2005 telah meletakkan Kuala Lumpur Sentral semakin hampir dengan pelan induk 10 tahunnya, di mana keseluruhan pembangunan Kuala Lumpur Sentral dijangka siap sepenuhnya.



KUALA LUMPUR SENTRAL (sambungan)

Kelebihan daya saing Kuala Lumpur Sentral terletak pada hab transitnya yang bertaraf dunia iaitu Stesen Sentral Kuala Lumpur, yang menyediakan kemudahan jaringan akses yang tiada tandingan bagi perniagaan, kediaman, para pengunjung dan orang ramai secara umumnya.

Pembangunan masa kini yang dianggar bernilai RM2.0 bilion, meliputi Plaza Sentral Fasa 2, sebuah menara pejabat di Lot N, kondominium Suasana Sentral Loft, menara-menara pejabat di Lot J, sebuah pusat gaya hidup dan gedung membeli-belah. Kerja-kerja pembinaan bagi semua projek tersebut kini sedang berjalan lancar.

Kemajuan pembangunan Kuala Lumpur Sentral

PLAZA SENTRAL

Pembangunan Plaza Sentral Fasa 1 dan Fasa 2 akan meletakkan Kuala Lumpur Sentral sebagai lokasi perniagaan ternama dan sebagai mercutanda bagi ruang pejabat bertaraf perdana di bandaraya Kuala Lumpur. Ini adalah berdasarkan kadar pembelian menggalakkan yang kebanyakannya terdiri daripada syarikat-syarikat terkemuka antarabangsa dan organisasi-organisasi ternama yang lain.

Sungguhpun Plaza Sentral Fasa 1 mencatat kadar pembelian penuh dua tahun yang lalu, Plaza Sentral Fasa 2 pula telah mengukuhkan lagi daya tarikan Kuala Lumpur Sentral sebagai lokasi perniagaan strategik dengan kadar pembelian terkini yang mengagumkan mencecah 95%.

PLAZA SENTRAL (sambungan)

Pembinaan Plaza Sentral Fasa 2 berjalan lancar dan dijangka akan siap pada tahun 2006. Ia akan meliputi 174 suit pejabat dalam dua menara dengan keluasan lantai bersih 642,000 kaki persegi.

Dengan ciri-ciri bangunan yang canggih, Plaza Sentral Fasa 2 akan menjadi satu pelaburan yang tepat berdasarkan peningkatan modal yang tinggi, hasil pelaburan menarik dan pegangan hakmilik bebas.

KONDOMINIUM SUASANA SENTRAL

Memandangkan daya tarikan Kuala Lumpur Sentral yang semakin tinggi sebagai lokasi kediaman strategik dan kadar pembelian Suasana Sentral yang menggalakkan, rakan kongsi strategik kami iaitu Suasana Sentral Two Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Panorama Prominent Sdn. Bhd.), sebuah syarikat usahasama antara MRCB dan UM Land Berhad, telah menandatangani satu perjanjian pada tahun 2004 untuk membangunkan menara pangsapuri 37 dan 38 tingkat yang mempunyai 600 unit di Lot L.

Pelancaran berserta jualan Suasana Sentral Loft telah diadakan pada awal tahun 2005. Dalam tempoh 6 bulan, Suasana Sentral Loft mencatat kadar pembelian mengagumkan sebanyak 95%. Ini adalah hasil daripada daya tarikan persekitaran kediaman berhampiran dengan hab transit serta permintaan yang semakin tinggi bagi kondominium mewah. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan dan dijangka siap menjelang akhir tahun 2007.

LOT N

Menara pejabat bertaraf lima bintang yang sedang dibina di Lot N telah dijual kepada Lembaga Tabung Haji berasaskan jaminan pulangan pelaburan selama 15 tahun dan perjanjian sewa jangka panjang oleh salah sebuah daripada empat firma perakaunan terbesar di dunia.

Menara pejabat 31 tingkat tersebut yang direka dan dibina menurut spesifikasi pembeli akan menerima pakai konsep hotel di mana individu yang datang dengan tujuan bekerja dari segenap rantau akan diberi ruang pejabat atau bilik mesyuarat untuk jangka masa pendek. Ini

property division

LOT N

The five-star office tower that is being constructed on Lot N was sold to Lembaga Tabung Haji on the back of guaranteed investment returns for 15 years and a long term tenancy agreement by one of the big four accounting firms in the world.

Designed and built according to the tenant's specifications, this 31-storey purpose-built office tower will adopt a hotel concept where personnel throughout the region who come on assignments are given a workstation or a meeting room, for short periods of time – a convenient and practical approach that is a growing trend in global markets.

Construction of this building has commenced and is expected to be completed by first quarter 2007.

The Lot N office tower will be Kuala Lumpur Sentral's first five-star premium office building in line with the Company's vision to be a world-class development, and a brand new commercial hub in Kuala Lumpur.

LOT J

Lot J will comprise the development of four office towers and a lifestyle centre, with a total Gross Floor Area (GFA) of approximately 1.4 million sq. ft.

A significant development in 2005 was a Sales and Purchase Agreement between Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. and United Engineers (Malaysia) Berhad (UEM) pertaining to the sale of parcel A on Lot J that has been designated as UEM's new corporate headquarters. Construction work has already commenced. UEM's decision to invest in Kuala Lumpur Sentral is a testimony of growing attraction by blue chip organizations in the development's location.

And as for the remaining towers, Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. is currently in negotiations with several parties to develop them.



LIFESTYLE CENTRE

The development of the highly awaited lifestyle centre will soon be realised. Upon completion, the six-storey exclusive lifestyle centre that is located at Lot J and having a GFA of 180,000 sq. ft., will house a fitness & spa centre, a food court, business centre, restaurants and alfresco dining.

Providing a myriad of leisure and entertainment facilities, the lifestyle centre will add an exclusive lifestyle to Kuala Lumpur Sentral and strengthen the development's position as an ideal place to live, work and play.

The lifestyle centre is expected to open in early 2007.

FIVE-STAR INTERNATIONAL HOTELS – HILTON KUALA LUMPUR & LE MERIDIEN

The opening of the five-star Hilton Kuala Lumpur and Le Meridien Kuala Lumpur hotels have enhanced Kuala Lumpur Sentral's image as a highly prestigious development. By attracting top-notch international hotels within its integrated development, Kuala Lumpur Sentral has set new standards within its entire development.

This year, Hilton Kuala Lumpur has secured numerous prestigious awards including the International Five Star Diamond Award, Hospitality Asia Platinum Award and Asia Travel & Tourism Award. In October 2005, Travel Trade Gazette Asia Media Group named the hotel the "Best Business Hotel in Asia" at the 16th Annual Travel Awards.

Both hotels are registering high occupancy rates, and have become popular destinations for both local and international business and leisure travellers. They have also become a pivotal point for business and social events.

Kuala Lumpur Sentral is proud to host these top-notch international hotels with a view to attract people from all over the world to its integrated development.

INTEGRATED RETAIL MALL

The much anticipated development within Kuala Lumpur Sentral is the RM450 million integrated retail mall on Lot G. To be undertaken by UDA Holdings Berhad, Lot G is touted as the city's shopping sanctuary, with an estimated one million square feet in lettable space. The mall is designed to have an entertainment floor with multi screen cinemaplex, a 24-lane bowling alley, floating F & B area, and micro-retailing as well as floors themed to specific needs. It will be linked to Stesen Sentral Kuala Lumpur, and thus earn the distinction of being the first rail-connected retail mall in the city that offers customers easy access and shopping comfort.

bahagian hartanah

LOT N (sambungan)

adalah satu pendekatan mudah dan praktikal yang semakin menjadi ikutan dan hala tuju pasaran global.

Pembinaan bangunan tersebut telah pun dimulakan dan dijangka akan siap menjelang suku tahun pertama 2007.

Menara pejabat Lot N ini akan menjadi bangunan pejabat bertaraf perdana lima bintang yang pertama di Kuala Lumpur Sentral, sejajar dengan wawasan Syarikat untuk menjadikannya sebuah pembangunan bertaraf dunia dan hab komersil serba baru di Kuala Lumpur.

LOT J

Lot J akan meliputi pembangunan empat menara pejabat dan sebuah pusat gaya hidup, dengan jumlah "GFA" (keluasan lantai kasar) kira-kira 1.4 juta kaki per segi.

Satu perkembangan penting pada tahun 2005 adalah Perjanjian Jual Beli antara Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. dan United Engineers (Malaysia) Berhad (UEM) berhubung dengan penjualan parcel A di Lot J yang telah diperuntukkan sebagai ibu pejabat korporat UEM yang baru, di mana kerja-kerja pembinaannya telah pun dimulakan. Keputusan UEM untuk membuat pelaburan di Kuala Lumpur Sentral adalah bukti minat yang semakin tinggi antara beberapa organisasi terkemuka terhadap lokasi pembangunan ini.

Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. juga sedang berunding dengan beberapa pihak untuk membangunkan menara-menara yang lain.



PUSAT GAYA HIDUP

Pembangunan pusat gaya hidup yang amat dinanti-nantikan ini akan menjadi kenyataan tidak lama lagi. Apabila siap nanti, pusat gaya hidup eksklusif enam tingkat yang terletak di Lot J dan mempunyai keluasan lantai kasar berjumlah 180,000 kaki persegi ini akan menempatkan pusat kesihatan & spa, medan selera, pusat perniagaan, restoran-restoran dan kawasan makan ala "alfresco".

Pusat gaya hidup yang bakal menyediakan pelbagai kemudahan istirehat dan hiburan ini akan mempertingkatkan lagi ciri-ciri gaya hidup eksklusif di Kuala Lumpur Sentral dan mengukuhkan kedudukan pembangunan tersebut sebagai sebuah lokasi kediaman, bekerja dan bersantai yang strategik.

Pusat gaya hidup ini dijangka akan dibuka pada awal tahun 2007.

HOTEL-HOTEL ANTARABANGSA BERTARAF LIMA BINTANG – HILTON KUALA LUMPUR & LE MERIDIEN

Pembukaan hotel Hilton Kuala Lumpur dan hotel Le Meridien Kuala Lumpur yang bertaraf lima bintang telah menaikkan imej Kuala Lumpur Sentral sebagai sebuah pembangunan berprestij tinggi. Dengan menarik hotel-hotel terkemuka antarabangsa ke kawasan pembangunan bersepadu ini, Kuala Lumpur Sentral telah menggariskan cabaran-cabaran baru di dalam pembangunan keseluruhannya.

Pada tahun ini, Hilton Kuala Lumpur telah memperolehi beberapa anugerah berprestij termasuk "International Five Star Diamond Award", "Hospitality Asia Platinum Award" dan "Asia Travel & Tourism Award". Pada bulan Oktober 2005, "Travel Trade Gazette Asia Media Group" telah menamakan hotel tersebut sebagai "Best Business Hotel in Asia" pada Annual Travel Awards ke-16.

Kedua-dua hotel tersebut mencatat kadar penghunian yang tinggi dan telah menjadi destinasi popular di kalangan para pengunjung tempatan dan antarabangsa untuk urusan perniagaan dan juga tempat bercuti. Ini menjadikan Kuala Lumpur Sentral sebuah destinasi utama untuk urusan perniagaan dan juga pelbagai acara sosial.



HOTEL-HOTEL ANTARABANGSA BERTARAF LIMA BINTANG – HILTON KUALA LUMPUR & LE MERIDIEN (sambungan)

Kuala Lumpur Sentral berbangga kerana menjadi lokasi pilihan bagi kedua-dua hotel terkemuka antarabangsa tersebut dan berharap akan dapat menarik lebih ramai pengunjung dari seluruh dunia ke pembangunan bersepadu ini.

GEDUNG MEMBELI-BELAH BERSEPADU

Antara pembangunan baru di dalam kawasan Kuala Lumpur Sentral yang ditunggu-tunggu adalah sebuah gedung membeli-belah bersepadu bernilai RM450 juta di Lot G. Kerja-kerja pembinaan di Lot G tersebut akan dilaksanakan oleh UDA Holdings Berhad dan dijangka akan menjadi daya tarikan membeli-belah baru di Kuala Lumpur dengan anggaran ruang sewaan seluas sejuta kaki persegi. Gedung ini direka khusus untuk menempatkan ruang hiburan yang mempunyai cineplex berbilang skrin, sebuah gelanggang boling 24 lorong, kawasan F & B terapung dan runcit mikro serta beberapa tingkat yang diberi tema khusus untuk keperluan tertentu. Ia akan dihubungkan dengan Stesen Sentral Kuala Lumpur dan bakal menjadi gedung membeli-belah pertama yang dihubungkan dengan pengangkutan rel di Kuala Lumpur, menawarkan akses mudah dan keselesaan membeli-belah kepada para pelanggan.

property division

INTEGRATED RETAIL MALL (continued)

Kuala Lumpur Sentral has played a significant role in enhancing the city skyline given Malaysia's aspiration to be a global destination. The growing importance of Kuala Lumpur Sentral in boosting Malaysia's image was all the more evident when Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. was invited to the 56th FIABCI World Real Estate Congress in Athens, Greece this year to showcase its project as one of the world's premier developments.

Kuala Lumpur Sentral has also played host to various local and state government officials, foreign government officials and business groups on study visits from Nepal, Taiwan, India, Indonesia and Singapore.

Kuala Lumpur Sentral is satisfied with the progress achieved to-date, and is confident of sustaining its position as a prime and prestigious real estate development in the country.

SERI ISKANDAR DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

Seri Iskandar Development Corporation Sdn. Bhd. is the leading township developer within the Kinta-Pangkor Corridor. Despite an increase in building materials and development cost and a slow down in the property market, on-going development activities taking place at Bandar Seri Iskandar (BSI) include some 238 units currently under construction and that are scheduled for delivery in early 2006. In addition, there are concerted efforts to secure and finalize joint-ventures with a view to accelerate the development of BSI.

Since the first delivery of more than 1,500 units to home owners in year 2003, BSI has blossomed into a lively enclave with the sprouting of several commercial activities. Popular communal facilities that are attracting large numbers of BSI residents include Taman Rekreasi Rakyat and Surau As Sidiq which was completed and handed over to the residents' committee in August 2005. The Surau which can accommodate 300 people,

SERI ISKANDAR DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD. (continued)

occupies a land area spanning 2 acres. It is also a popular facility as various activities are held at the Surau to foster closer social integration among residents of BSI as well as those from neighbouring communities. Plans to develop an integrated school on a 16-acre site is currently pending approval by the relevant authorities.

BSI development takes pride in delivering high quality products complete with well-planned layout and beautiful designs that meet the discerning needs of customers today. As an integrated development based on a community living concept, BSI is the premier address in its market. Undoubtedly, with the right blend of quality products, excellent facilities and an active resident committee, BSI offers a harmonious community living amidst country setting.



MRCB UTAMA SDN. BHD.

MRCB Utama Sdn. Bhd. (MRCB Utama), a wholly owned subsidiary of the Group, has successfully completed the Sutera Apartments, – the fourth in a series of medium cost apartments at Taman Kajang Utama. In April 2005, 210 proud homeowners who received their units 2 months ahead of time responded favourably in the Company's customer satisfaction survey which exceeded the Company's benchmark.

With this added confidence, MRCB Utama is embarking on its fifth and up-to-date apartment project, Laman Suria e – Resort Apartments. Scheduled to be officially launched in the 2nd quarter of 2006, Laman Suria offers a resort living lifestyle



MRCB UTAMA SDN. BHD. (continued)

based on a Balinese theme, featuring a grand facade, complete condominium facilities, 24-hour security and a smart home security system for the 255 units. Affordably priced between RM87,000 to RM130,000 per unit, the project will contribute a Gross Development Value of RM30 million.

MRCB Utama's latest innovative product, Residency Ayu – apartment cum office suite drew encouraging response from young professionals and entrepreneurs who prefer to conduct business and live within the same vicinity. This new smart office cum home concept or SOHO in short is positioned as a "built and sell" product with 1,650 sq. ft. of ample space, 2 bedrooms, a meeting room and free carpeting and partition in the living area. Affordably priced from RM87,000, the units are expected to increase the value of shop offices in Taman Kajang Utama.

bahagian hartanah



GEDUNG MEMBELI-BELAH BERSEPADU (sambungan)

Kuala Lumpur Sentral memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan pembangunan pencakar langit di Kuala Lumpur, selaras dengan aspirasi Malaysia menjadi destinasi global. Fungsi Kuala Lumpur Sentral yang semakin penting dalam menaikkan imej Malaysia menjadi bertambah ketara apabila Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. dijemput menghadiri FIABCI World Real Estate Congress ke-56 di Athens, Greece pada tahun ini bagi mempamerkan projeknya sebagai salah satu daripada pembangunan bertaraf perdana dunia.

Kuala Lumpur Sentral juga telah menjadi tuan rumah kepada pelbagai rombongan pegawai kerajaan tempatan dan negeri, rombongan pegawai kerajaan negara-negara asing dan rombongan perniagaan dari Nepal, Taiwan, India, Indonesia dan Singapura yang datang ke sini untuk lawatan kerja.

Kuala Lumpur Sentral berpuas hati atas kemajuan yang dicapai hingga kini dan yakin mampu mengekalkan kedudukannya sebagai pembangunan hartanah berprestij di negara ini.



SERI ISKANDAR DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

Seri Iskandar Development Corporation Sdn. Bhd. adalah peneraju di kalangan pemaju perbandaran di Koridor Kinta-Pangkor. Walaupun kos bahan binaan dan pembangunan semakin tinggi dan pasaran hartanah yang lembap, namun aktiviti pembangunan masih diteruskan di Bandar Seri Iskandar (BSI) merangkumi pembinaan 238 unit yang mana dijadual akan diserahkan pada awal tahun 2006. Selain itu, usaha bersepadu turut dijalankan bagi mendapat dan menyempurnakan beberapa usahasama yang bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan BSI.

Sejak penyerahan pertama lebih 1,500 unit kepada pemilik kediaman pada tahun 2003, BSI telah berkembang menjadi kawasan pembangunan yang pesat dengan kehadiran beberapa aktiviti komersil. Antara kemudahan-kemudahan awam utama yang menarik sebilangan besar penduduk BSI termasuk Taman Rekreasi Rakyat dan Surau As Sidiq yang telah siap dan diserahkan kepada jawatankuasa penduduk pada bulan Ogos 2005. Surau yang mampu memuatkan 300 orang jemaah tersebut terletak di atas tapak seluas 2 ekar. Ia juga merupakan kemudahan popular untuk pelbagai aktiviti yang diadakan dengan tujuan untuk merapatkan hubungan kemasyarakatan di kalangan penduduk BSI serta komuniti di sekitarnya. Rancangan untuk membina sebuah sekolah bersepadu di atas tapak seluas 16 ekar kini sedang menunggu kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

SERI ISKANDAR DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD. (sambungan)

Pembangunan BSI berbangga dengan kejayaannya menyerahkan produk berkualiti tinggi dengan susunatur terancang dan rekabentuk menarik yang memenuhi citarasa berbeza pelanggan masa kini. Sebagai sebuah pembangunan bersepadu berasaskan konsep kehidupan komuniti, BSI telah menjadi sebuah lokasi utama untuk pasarannya. Sememangnya, dengan campuran produk-produk berkualiti dan bersesuaian, kemudahan yang cemerlang dan jawatankuasa penduduk yang aktif, BSI menawarkan sebuah kehidupan komuniti harmoni di kawasan luar bandar yang menghijau.

MRCB UTAMA SDN. BHD.

MRCB Utama Sdn. Bhd. (MRCB Utama), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Kumpulan, telah berjaya menyiapkan Sutera Apartmen, siri keempat dalam pembangunan pangsapuri kos sederhana di Taman Kajang Utama. Pada bulan April 2005, 210 pemilik rumah telah menerima unit-unit mereka 2 bulan lebih awal dari tempoh yang dijadualkan dan telah memberi maklum balas menggalakkan di dalam kajian kepuasan pelanggan Syarikat, yang mana telah melebihi ukur rujuk Syarikat.

Dengan keyakinannya yang semakin tinggi, MRCB Utama pada masa ini sedang melaksanakan projek pangsapurinya yang kelima dan terbaru iaitu Laman Suria e – Resort Apartmen. Laman Suria yang dijangka akan dilancarkan secara rasmi pada suku kedua tahun 2006, menawarkan gaya hidup pusat peranginan bertemakan rekabentuk Bali yang menampilkan rekaan luaran mengagumkan, kemudahan kondominium lengkap, kawalan keselamatan 24 jam dan sistem keselamatan kediaman pintar bagi 255 unit. Dengan harga mampu milik antara RM87,000 hingga RM130,000 seunit, projek tersebut bakal menyumbang Nilai Pembangunan Kasar berjumlah RM30 juta. Produk berinovasi terbaru MRCB, Residensi Ayu yang merupakan pangsapuri berserta suit pejabat, telah mendapat sambutan menggalakkan daripada

property division

MRCB UTAMA SDN. BHD. (continued)

Following the number of strata unit dwellers in Taman Kajang Utama increasing to more than 2,500; MRCB Utama has decided to establish a management office to ensure the continued delivery of effective and quality services. As part of the Group's ongoing efforts to strengthen community relations, MRCB Utama hosted a lunch reception for some 3,000 residents during the joint Deepavali and Eid Mubarak celebrations in December 2005.



MRCB SELBORN CORPORATION SDN. BHD.

MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd. is the owner and manager of two distinctive property landmarks in Shah Alam namely Menara MRCB, the 21-storey office block and Alam Sentral Plaza, one of the biggest shopping centres in Shah Alam with total lettable areas of over 200,000 sq. ft and 430,000 sq. ft., respectively.

MENARA MRCB

Menara MRCB continued to enjoy full occupancy in 2005 with notable tenants from the insurance and banking sectors, as well as the Group's companies. As the leading office building in Shah Alam City, rentals at Menara MRCB are likely to increase in 2006. However, in line with our objective to reduce borrowings, our concerted efforts to sell the building may be realised in 2006 as we are currently in the finalisation stage with one of several interested parties.



ALAM SENTRAL PLAZA

Alam Sentral Plaza (ASP) has positioned itself to be a shopping centre in Shah Alam with differentiated specialty product mix. The shopping centre seeks to house specialty retail outlets that offer various products to the mainly middle class market within the immediate catchments in Shah Alam. It aims to be an alternative shopping centre whose niche is competitive prices without compromising on quality.

ALAM SENTRAL PLAZA (continued)

Occupancy rates have increased to 82% due to aggressive marketing efforts that were carried out in 2005. ASP's recent specialty digital dedicated zone at Level 3 has more than 12 mobile phone kiosks and 11 digital outlets that sell IT peripherals and digital consumer goods. More than 40,000 sq. ft. of retail space that has been allocated for the digital centre is expected to be fully occupied by June 2006. The centre is expected to capture a large market residing on the west side of the Klang Valley, from Subang to Klang.

The opening of Shah Alam City Centre (SACC) in August 2005 has not had an adverse impact on businesses at ASP. On the contrary, it complimented ASP to record the highest number of visitors, totaling 766,611 in August 2005 – the highest in ASP's history. The total visitors to ASP in 2005 was 6.5 million, which is a 14% increase from 5.7 million in 2004.

In pursuit of a good specialty tenant mix, the management of ASP is focused on bringing more specialty shops to the shopping centre. There are plans to launch a book and stationery centre spanning more than 20,000 sq. ft. at Level 4, which will also house other products such as a "print it yourself" centre, travel agencies and clinics.

ASP's management will continue to embark on an aggressive marketing cum communication campaign to further enhance the value of the shopping centre. The continuous advertising and promotion campaigns are targeted at visitors with higher purchasing power and attract potential tenants who market established brands. As such, the layout of the common areas have been reorganized and are expected to improve the ambience of the shopping centre as well as generate considerable income for the Company.

bahagian hartanah

MRCB UTAMA SDN. BHD. (sambungan)

golongan profesional dan usahawan muda yang memilih untuk menjalankan perniagaan mereka dan tinggal di tempat yang sama. Konsep baru pejabat berserta kediaman pintar atau SOHO ini secara ringkasnya direka sebagai produk “bina dan jual” dengan ruang yang selesa seluas 1,650 kaki persegi yang mengandungi 2 bilik tidur, sebuah bilik mesyuarat serta permaidani dan pembahagi ruang percuma di ruang tamu. Unit-unit dengan harga mampu milik iaitu bermula dengan harga RM87,000 ini, dijangka akan meningkatkan nilai kedai pejabat di Taman Kajang Utama.

Oleh kerana bilangan penduduk strata di Taman Kajang Utama telah meningkat kepada lebih 2,500; MRCB Utama bercadang untuk mewujudkan sebuah pejabat pengurusan bagi memastikan penyediaan perkhidmatan cekap dan berkualiti yang berterusan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kumpulan untuk mengukuhkan hubungan masyarakat, MRCB Utama telah menjadi tuan rumah untuk satu majlis makan tengahari bersama kira-kira 3,000 penduduk dalam satu sambutan perayaan berkembar Deepavali dan Hari Raya pada bulan Disember 2005.

MRCB SELBORN CORPORATION SDN. BHD.

MRCB Selborn Corporation Sdn. Bhd. adalah pemilik dan pengurus dua mercutanda hartanah utama di Shah Alam iaitu Menara MRCB, sebuah blok pejabat 21 tingkat dan Plaza Alam Sentral, salah sebuah pusat membeli-belah terbesar di Shah Alam, masing-masing mempunyai jumlah keluasan kawasan sewaan melebihi 200,000 kaki persegi (Menara MRCB) dan 430,000 kaki persegi (Plaza Alam Sentral).



MENARA MRCB

Menara MRCB terus menikmati penghunian penuh pada tahun 2005 dengan penyewa-penyewa utama daripada sektor insurans dan perbankan serta anak-anak syarikat Kumpulan. Sebagai bangunan pejabat utama di Bandaraya Shah Alam, kadar sewa di Menara MRCB berkemungkinan akan naik pada tahun 2006. Walau bagaimanapun, sejajar dengan objektif kami untuk mengurangkan pinjaman, usaha kami untuk menjual bangunan tersebut mungkin akan menjadi kenyataan pada tahun 2006 kerana pada masa ini, kami berada di peringkat terakhir dalam rundingan dengan salah satu daripada beberapa pihak yang berminat.

PLAZA ALAM SENTRAL

Plaza Alam Sentral (ASP) telah berjaya meletakkan kehadiranannya sebagai sebuah pusat membeli-belah di Shah Alam yang mempunyai campuran produk khusus yang berbeza. Pusat membeli-belah tersebut berusaha untuk menempatkan kedai-kedai jualan khusus yang menawarkan pelbagai produk, terutamanya kepada pasaran golongan berpendapatan sederhana di sekitar kawasan Shah Alam. Ia mensasar untuk menjadi sebuah pusat membeli-belah alternatif yang menawarkan harga kompetitif tanpa mengabaikan kualiti.

Kadar penghunian telah meningkat kepada 82% hasil daripada usaha pemasaran agresif yang dijalankan pada tahun 2005. Zon ASP terbaru yang dikhususkan untuk produk-produk digital di Aras 3 mempunyai lebih 12 buah kios telefon mudahalihan dan 11 buah kedai digital yang menjual peralatan IT dan barangan pengguna digital. Lebih 40,000 kaki persegi ruang jualan yang telah



PLAZA ALAM SENTRAL (sambungan)

diperuntukkan untuk pusat digital dijangka akan dihuni sepenuhnya menjelang bulan Jun 2006. Pusat membeli-belah ini dijangka dapat memanfaatkan lebih ramai pelanggan di sekitar kawasan barat Lembah Kelang iaitu dari Subang hingga ke Kelang.

Pembukaan Pusat membeli-belah Bandaraya Shah Alam (SACC) pada bulan Ogos 2005 tidak menjejaskan perniagaan di ASP. Sebaliknya, ia mendorong ASP mencatat bilangan pengunjung tertinggi berjumlah 766,611 pada bulan Ogos 2005 yang merupakan catatan tertinggi dalam sejarah Plaza Alam Sentral. Jumlah pengunjung ke ASP pada tahun 2005 adalah seramai 6.5 juta, meningkat 14% berbanding 5.7 juta pada tahun 2004.

Untuk memperolehi campuran penyewa khusus yang baik, pengurusan ASP menumpukan usahanya untuk membawa lebih banyak kedai khusus ke pusat membeli-belah tersebut. Terdapat juga rancangan untuk melancarkan sebuah pusat menjual buku dan alatulis dengan keluasan 20,000 kaki persegi di Aras 4 yang turut menempatkan produk-produk lain seperti pusat “cetak sendiri”, agensi-agensi pelancongan dan klinik.

Pengurusan Plaza Alam Sentral akan terus berusaha menjalankan kempen pemasaran serta komunikasi secara agresif untuk mempertingkatkan lagi nilai pusat membeli-belah tersebut. Kempen pengiklanan dan promosi yang berterusan itu disasarkan kepada para pengunjung yang mempunyai kuasa belian tinggi dan menarik minat penyewa yang berpotensi untuk memasarkan jenama-jenama terkenal. Oleh itu, susunatur kawasan am telah dikenalpasti dan dijangka akan mempertingkatkan suasana persekitaran di dalam pusat membeli-belah tersebut serta menjana pendapatan besar bagi Syarikat.

building services division



In line with the quest to be the premier urban property developer and given the enormous potential that exists within the Group and that of our associated companies, MRCB has established a Building Services Division primarily to offer a comprehensive range of services to clients. It's a strategic move that will drive the Group's vision to help build and sustain a leading position in the delivery of excellence in each of our core business activities.

The Building Services Division which was established in March 2005 comprises of three subsidiaries, namely Semasa Sentral Sdn. Bhd. (Semasa Sentral), Semasa Services Sdn. Bhd. (Semasa Services) and

Semasa Security Sdn. Bhd. (Semasa Security). The Division is a service alliance that provides total integrated facilities management services, leveraging on the Group's proven track record. Going forward, the Division will continue to focus on the development of long-term contracts that generate revenue for the Group by pursuing opportunities in building maintenance and other related sectors.

STESEN SENTRAL KUALA LUMPUR

Stesen Sentral Kuala Lumpur is the nucleus of the country's rail transportation system, bridging the most modern rapid train services. As a rail transportation hub, Stesen Sentral Kuala Lumpur is easily accessible due to the ready availability of many rail services, namely Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Intercity, Komuter, Rangkaian Aliran Perkhidmatan Integrasi Deras (RAPID), Light Rail Transit (LRT), Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL) and the monorail which runs from Brickfields to Titiwangsa. In addition, taxis and buses also ply this area which is in close proximity to the city's central business district.

The Board consists of members with diverse background and experience. The profile of each Board member is set out on page 10 to 17 of this Annual Report, and illustrates the spectrum of experience and capability of the MRCB Board. This brings depth and diversity in expertise and perspectives to the leadership of the Company. More importantly the Board has, as members, Independent Non-Executive Directors who are independent from Management and major shareholders of the Company. The Independent Directors are also free from any business or other relationships that could materially interfere with the exercise of their objective and independent judgment.

Board Balance and Effectiveness (continued)

As at 31 December 2005, the Board had eight (8) members, of which one (1) is an Executive Director and seven (7) are Non-Executive Directors (including the Chairman). In compliance with the Code, which requires that at least one-third of the Board should be non-executive and independent, three (3) of the seven Non-Executive Directors are independent thus ensuring that no individual or group of individuals may dominate the Board.

The role of the Chairman and the GMD/CEO are kept distinct and separate. There is clear division of responsibilities between the Chairman and the GMD/CEO to ensure balance of power and authority. The Non-Executive Chairman avails himself to provide clarifications on issues that are raised by shareholders and investors, ensuring the integrity and effectiveness of the governance process of the Board. The Chairman also maintains regular dialogues with the GMD/CEO on all operational matters, and acts as a facilitator at the meetings of the Board. The GMD/CEO is responsible to duly ensure execution of strategic goals, effective operations within the Company, and to explain, clarify and inform the Board on matters pertaining to the Company.

In line with the prescription of the Code for the identification of a senior Independent Non-Executive Director to whom concerns may be conveyed, the Board has identified Dato' Ahmad Ibnihajar as its senior Independent, Non-Executive Director for the period under review.

penyata tadbir urus korporat

Lembaga Pengarah MRCB kekal komited untuk memastikan supaya piawaian tadbir urus korporat tertinggi terus menjadi tunggak budaya korporat Syarikat. Lembaga Pengarah juga terus komited untuk melindungi kepentingan para pemegang kepentingan dan mempertingkatkan nilai pemegang saham serta prestasi kewangan Syarikat.

Berikut adalah bidang-bidang penting dalam terima pakai Amalan Terbaik di bawah Prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") Mac 2000 dan perenggan 15.26 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad.

1. LEMBAGA PENGARAH

Untuk melindungi kepentingan para pemegang saham dan pemegang kepentingan, Lembaga Pengarah mengekalkan kawalan penuh dan berkesan serta tanggungjawab terhadap Syarikat. Ia melaksanakan bertanggungjawab secara menyeluruh berhubung tadbir urus korporat, mengkaji kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman, mengkaji dan merumuskan halatuju strategik Syarikat dan mengawalselia pelaburan Syarikat.

Dalam melaksanakan tanggungjawab menyediakan tadbir urus yang berkesan terhadap hal ehwal Syarikat, Lembaga Pengarah telah:

- i) Mengkaji dan meluluskan rancangan perniagaan strategik Pengurusan;
- ii) Memantau prestasi korporat berbanding rancangan perniagaan strategik tersebut bagi menilai sama ada perniagaan sedang diuruskan dengan sewajarnya atau tidak;
- iii) Mengkaji dan meluluskan objektif, rancangan dan pendedahan kewangan Syarikat, termasuk peruntukan modal utama (penting), perbelanjaan, atau perubahan dalam laporan kewangan atau kawalan;

1. LEMBAGA PENGARAH (sambungan)

- iv) Memantau dan menilai prestasi Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat ("GMD/CEO") dan pegawai pengurusan kanan yang lain, serta merangka rancangan penggantian bagi pegawai pengurusan kanan tersebut; dan
- v) Memastikan keseimbangan Pengarah Eksekutif, Bukan Eksekutif dan Bukan Eksekutif Bebas dalam Lembaga Pengarah. Ini adalah untuk memastikan supaya terdapat perwakilan yang berkesan bagi para pemegang saham dalam Lembaga Pengarah, dan supaya isu strategi, prestasi dan sumber diperbincang dan diteliti sepenuhnya serta mengambil kira kepentingan jangka panjang para pemegang saham, pekerja, pelanggan, pembekal dan komuniti di mana Syarikat menjalankan perniagaannya.

Keseimbangan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai latarbelakang dan pengalaman yang berpelbagai. Profil setiap ahli Lembaga Pengarah yang disediakan di muka surat 10 hingga 17 dalam Laporan Tahunan ini menggambarkan kepelbagaian pengalaman dan kebolehan Lembaga Pengarah MRCB. Ini memberi kepakaran dan pandangan yang mendalam dan berpelbagai kepada kepimpinan Syarikat. Apa yang lebih penting, Lembaga Pengarah mempunyai para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas sebagai ahli yang bebas daripada Pengurusan dan para pemegang saham utama Syarikat. Pengarah Bebas tersebut juga bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh menjejaskan dengan ketara pelaksanaan objektif dan pertimbangan bebas mereka.

Keseimbangan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah (sambungan)

Pada 31 Disember 2005, Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan (8) orang ahli, yang mana satu (1) orang adalah Pengarah Eksekutif dan tujuh (7) orang adalah Pengarah Bukan Eksekutif (termasuk Pengerusi). Dengan mematuhi Kod, yang memerlukan supaya sekurang-kurangnya satu per tiga daripada Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif bebas, tiga (3) daripada tujuh Pengarah Bukan Eksekutif adalah bebas, dan oleh yang demikian memastikan tiada mana-mana individu atau sekumpulan individu boleh mendominasi Lembaga Pengarah.

Peranan Pengerusi dan GMD/CEO adalah berbeza dan berasingan. Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas antara Pengerusi dan GMD/CEO bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti. Pengerusi Bukan Eksekutif bersedia untuk memberi penjelasan berhubung isu-isu yang dibangkitkan oleh para pemegang saham dan pelabur memastikan kewibawaan dan keberkesanan proses tadbir urus Lembaga Pengarah. Pengerusi juga mengadakan dialog secara kerap dengan GMD/CEO berhubung semua perkara operasi, dan bertindak sebagai pemudahcara di mesyuarat Lembaga Pengarah. GMD/CEO bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan matlamat strategik, operasi berkesan dalam Syarikat dan menerang, menjelas serta memaklumkan Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara berkaitan Syarikat.

Selaras dengan apa yang digariskan di dalam Kod berhubung pelantikan seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas di mana kepada beliau, sebarang kemusykilan boleh disampaikan, Lembaga Pengarah telah mengenalpasti Dato' Ahmad Ibnihajar sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kanannya untuk tempoh yang ditinjau.

statement of corporate governance

Board Meetings

The Board has five (5) regularly scheduled meetings, with additional four (4) meetings for particular matters convened as and when necessary during the financial period between 1 January 2005 and 31 December 2005.

Details of the Board movement and attendance at meetings for financial period ended 31 December 2005 are set out below:

DIRECTORS	DESIGNATION	APPOINTMENT	RESIGNATION	ATTENDANCE
Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	Chairman	24 January 2002	12 January 2005	–
Datuk Azlan Zainol **	Chairman	12 January 2005	–	(8/8) 100%
Shahril Ridza Ridzuan	Group Managing Director/ Chief Executive Officer	9 August 2001	–	(9/9) 100%
Abdul Rahman Ahmad	Non-Independent, Non-Executive Director	9 August 2001	–	(8/9) 88%
Datuk Zahari Omar *	Executive Vice-President	26 July 1999	26 May 2006	(6/6) 100%
Dato' Ahmad Ibnihajar	Independent, Non-Executive Director	27 September 2000	–	(9/9) 100%
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar	Independent, Non-Executive Director	22 July 2002	–	(9/9) 100%
Dr. Roslan A. Ghaffar	Non-Independent, Non-Executive Director	3 November 2003	–	(9/9) 100%
Ahmad Zaki Zahid **	Independent, Non-Executive Director	12 January 2005	–	(7/8) 88%
Mohamad Lofty Mohamad Noh ***	Non-independent, Non-Executive Director	20 July 2005	–	(3/3) 100%

* Based on six (6) Board meeting held before resignation.

** Based on eight (8) Board meetings held after appointment.

*** Based on three (3) Board meetings held after appointment.

penyata tadbir urus korporat

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengadakan lima (5) mesyuarat yang dijadualkan secara tetap, dengan empat (4) mesyuarat tambahan bagi perkara-perkara tertentu diadakan jika perlu pada tempoh kewangan dari 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2005.

Butir-butir mengenai perubahan yang berlaku di dalam Lembaga Pengarah dan kehadiran di mesyuarat bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2005 adalah seperti berikut:

PENGARAH	JAWATAN	PERLANTIKAN	PERLETAKAN JAWATAN	KEHADIRAN
Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	Pengerusi	24 Januari 2002	12 Januari 2005	—
Datuk Azlan Zainol **	Pengerusi	12 Januari 2005	—	(8/8) 100%
Shahril Ridza Ridzuan	Pengarah Urusan Kumpulan/ Ketua Pegawai Eksekutif	9 Ogos 2001	—	(9/9) 100%
Abdul Rahman Ahmad	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	9 Ogos 2001	—	(8/9) 88%
Datuk Zahari Omar *	Naib Presiden Eksekutif	26 Julai 1999	26 Mei 2006	(6/6) 100%
Dato' Ahmad Ibnihajar	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	27 September 2000	—	(9/9) 100%
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	22 Julai 2002	—	(9/9) 100%
Dr. Roslan A. Ghaffar	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	3 November 2003	—	(9/9) 100%
Ahmad Zaki Zahid **	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	12 Januari 2005	—	(7/8) 88%
Mohamad Lotfy Mohamad Noh ***	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	20 Julai 2005	—	(3/3) 100%

* Berdasarkan kepada enam (6) mesyuarat lembaga pengarah yang diadakan sebelum perletakan jawatan.

** Berdasarkan kepada lapan (8) mesyuarat lembaga pengarah yang diadakan selepas perlantikan

*** Berdasarkan kepada tiga (3) mesyuarat lembaga pengarah yang diadakan selepas perlantikan

statement of corporate governance

Directors' Remuneration

The determination of the remuneration of the Non-Executive Directors is a matter for the Board as a whole. The annual fees payable to Non-Executive Directors are presented to the shareholders at the Company's AGM for approval.

A summary of the remuneration of the Directors for the period, distinguishing between Executive and Non-Executive Directors in aggregate, with categorization into appropriate components and the number of Directors whose remuneration falls into each successive band of RM50,000 are set out below:

DIRECTORS' REMUNERATION	EXECUTIVE DIRECTORS	NON-EXECUTIVE DIRECTORS	TOTAL
Fees (RM)	–	279,289	279,289
Salary (RM)	466,989	–	466,989
EPF (RM)	145,962	5,980	151,942
Bonus (RM)	121,185	–	121,185
Benefits-in-kind (RM)	13,614	4,546	18,160
Other Emoluments (RM)	182,973	85,833	268,807
Total (RM)	930,723	375,648	1,306,371 *

DIRECTORS' REMUNERATION	EXECUTIVE DIRECTORS	NON-EXECUTIVE DIRECTORS	TOTAL
RM0 – RM50,000	–	7	7
RM50,001 – RM100,000	–	1	1
RM100,001 – RM150,000	1	–	1
RM150,001 – RM200,000	–	–	–
RM200,001 – RM250,000	–	–	–
RM250,000 – RM300,000	–	–	–
RM300,001 – RM350,000	–	–	–
RM350,001 – RM400,000	–	–	–
RM400,001 – RM450,000	–	–	–
RM450,001 – RM500,000	–	–	–
RM500,001 – RM550,000	–	–	–
RM550,001 – RM600,000	–	–	–
RM600,001 – RM650,000	–	–	–
RM650,001 – RM700,000	–	–	–
RM750,000 – RM800,000	–	–	–
RM800,001 – RM850,000	1	–	1
Total (RM)	2	8	10 *

* Includes proportionate remuneration of two (2) Directors who resigned during the year.

penyata tadbir urus korporat

Imbuhan Pengarah

Penentuan imbuhan untuk Pengarah Bukan Eksekutif terletak kepada keseluruhan Lembaga Pengarah. Cadangan yuran tahunan yang perlu dibayar kepada para pengarah bukan eksekutif dibentangkan kepada para pemegang saham pada MAT Syarikat untuk diluluskan.

Satu ringkasan berhubung imbuhan untuk Pengarah bagi tempoh yang ditinjau, membezakan antara Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif secara agregat, dengan mengkategorikan dalam komponen yang sesuai bilangan Pengarah yang mana imbuhan mereka berada dalam lingkungan setiap RM50,000 dinyatakan seperti di bawah:

IMBUHAN PENGARAH	PENGARAH EKSEKUTIF	PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF	JUMLAH
Yuran (RM)	–	279,289	279,289
Gaji (RM)	466,989	–	466,989
KWSP (RM)	145,962	5,980	151,9429
Bonus (RM)	121,185	–	121,1859
Manfaat Seumpamanya (RM)	13,613.89	4,546	18,160
Emolumen lain (RM)	182,973,34	85,833	268,807
Jumlah (RM)	930,723	375,648	1,306,371 *

IMBUHAN PENGARAH	PENGARAH EKSEKUTIF	PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF	JUMLAH
RM0 – RM50,000	–	7	7
RM50,001 – RM100,000	–	1	1
RM100,001 – RM150,000	1	–	1
RM150,001 – RM200,000	–	–	–
RM200,001 – RM250,000	–	–	–
RM250,001 – RM300,000	–	–	–
RM300,001 – RM350,000	–	–	–
RM350,001 – RM400,000	–	–	–
RM400,001 – RM450,000	–	–	–
RM450,001 – RM500,000	–	–	–
RM500,001 – RM550,000	–	–	–
RM550,001 – RM600,000	–	–	–
RM600,001 – RM650,000	–	–	–
RM650,001 – RM700,000	–	–	–
RM750,000 – RM800,000	–	–	–
RM800,001 – RM850,000	1	–	1
Jumlah (RM)	2	8	10 *

* Termasuk imbuhan sama rata bagi dua (2) orang Pengarah yang telah meletak jawatan pada tahun ini.

statement of corporate governance

Accessibility to Information

The Board recognizes that the decision-making process is highly dependent on the reliability and completeness of information furnished to it. As such, the Board members have full unrestricted access to timely and accurate information necessary in the furtherance of their duties, which is not only on quantitative but also on other information deemed necessary such as customer satisfaction, product and service quality, market share and market reaction.

Prior to Board meetings, the agenda and a full set of Board papers is issued in sufficient time to enable the Directors to obtain further explanations, where necessary, in order to be briefed properly before the meeting.

In addition to the Company's performance discussed at the meeting, there is a schedule of matters reserved specifically for the Board's decision, including the approval of corporate plans and budgets, acquisitions and disposals of assets that are material to the Company, major investments and changes to management and control structure of the Company including key policies, procedures and authority limits.

All Directors have access to the advice and services of the Company Secretary and where necessary, in the furtherance of their duties, take independent professional advice at the Company's expense. Additionally, the Board invites the Company's senior management to brief the Board as necessary on matters being deliberated, as they are able to deliver a detailed insight to the Board on these matters.

Relationship of the Board with Management

The Board believes that a key principle to its effective functioning is that it is able to function independently of Management. The Board, under the able leadership of the Chairman, acts independently and makes decisions premised on objective, informed and quality information provided to it by Management. The decision-making process and practices currently in place ensure that Directors are able to actively exchange viewpoints to enable them to effectively assess the direction of the Company and the performance of Management, one of the Board's principal responsibilities.

The Board, in evaluating information, is assured of quality and complete information that is both qualitative and quantitative. Materials and documents supplied to the Board are circulated in advance, and specific notice of the proposal is given in the Board's agenda. When the occasion demands, the Board invites the Company's advisers to render advice in furtherance of their duties.

Visits to Project Sites

The "hands-on" approach by Directors through visits to project sites during the year under review is useful to assist Directors to have a better understanding of the Company's operations, and gives Directors first-hand perspectives on developments in the various projects undertaken by the Company; these enable Directors to contribute effectively during Board deliberations and decision-making.

Directors' Education

As an integral element of the process of appointing new directors, there is an education programme for new Directors. Directors also receive further training from time to time, particularly on relevant new laws and regulations and changing commercial risks.

All Directors have attended the Mandatory Accreditation Programme as required under the Bursa Malaysia Securities Berhad Listing Requirements.

Re-election of Director

In accordance with the Company's Articles of Association, all Directors who are appointed by the Board are subject to re-election by shareholders at the first Annual General Meeting ("AGM") following their appointment. The Articles of Association also provide that at least one third of the remaining Directors are subject to re-election by rotation at each AGM.

2. BOARD COMMITTEES

The Board has delegated certain functions to several Committees it has established, to assist in the execution of its responsibilities for the Company. The Committees operate under clearly defined terms of reference, which have been approved by the Board of Directors. These Committees have the authority to examine particular issues and report back to the Board with their recommendations. The Chairman of the respective Committees will report to the Board on the outcome of the

penyata tadbir urus korporat

Akses kepada Maklumat

Lembaga Pengarah mengakui bahawa proses membuat keputusan amat bergantung kepada kebolehpercayaan dan kelengkapan maklumat yang dibekalkan kepadanya. Oleh yang demikian, ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai akses yang tidak terhalang untuk mendapatkan maklumat yang menepati masa dan tepat, yang perlu untuk menjalankan tugas mereka tetapi tidak terhad kepada maklumat kuantitatif sahaja malah turut meliputi maklumat lain yang dianggap sesuai seperti kepuasan pelanggan, kualiti produk dan perkhidmatan, bahagian dan tindak balas pasaran.

Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan, agenda dan satu set penuh kertas-kertas Lembaga Pengarah diedarkan dengan memberi masa yang mencukupi bagi membolehkan para Pengarah mendapat penjelasan lanjut, jika perlu, supaya mereka memperoleh maklumat yang sewajarnya sebelum mesyuarat diadakan.

Selain daripada membincangkan prestasi Syarikat di mesyuarat tersebut, terdapat satu jadual perkara-perkara yang khusus untuk diputuskan oleh Lembaga Pengarah. Ia termasuk meluluskan rancangan dan belanjawan korporat, pengambilalihan dan penjualan aset yang penting kepada Syarikat, pelaburan utama, perubahan dalam pengurusan dan struktur kawalan Syarikat, termasuk dasar-dasar penting, prosedur dan had autoriti.

Semua Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat dan jika perlu dalam menjalankan tugas mereka, mendapatkan nasihat profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat. Selain daripada itu, Lembaga Pengarah menjemput pengurusan kanan Syarikat untuk memberi taklimat kepada Lembaga Pengarah jika perlu berhubung perkara yang diperbincangkan kerana mereka boleh menyampaikan maklumat dalam secara terperinci berhubung perkara ini.

Perhubungan Lembaga Pengarah dengan Pengurusan

Lembaga Pengarah percaya bahawa prinsip utama yang membolehkan ia berfungsi dengan berkesan adalah kebolehannya berfungsi secara bebas daripada pihak Pengurusan. Di bawah kepimpinan Pengerusi, Lembaga Pengarah bertindak secara bebas dan membuat keputusan berdasarkan maklumat objektif, termaklum dan berkualiti yang disediakan kepadanya oleh pihak Pengurusan. Proses dan amalan membuat keputusan yang wujud pada masa kini memastikan supaya para Pengarah boleh bertukar pandangan secara aktif untuk membolehkan mereka menilai secara berkesan halatuju Syarikat dan prestasi pihak Pengurusan, yang merupakan salah satu daripada tanggungjawab utama Lembaga Pengarah.

Dalam menilai maklumat yang disediakan, Lembaga Pengarah telah diberi kepastian tentang kualiti dan kecukupan maklumat, baik dari segi kualitatif mahupun kuantitatif. Bahan dan dokumen yang dibekalkan kepada Lembaga Pengarah diedar terlebih dahulu dan notis tertentu berhubung cadangan diberi dalam agenda Lembaga Pengarah. Jika keadaan memerlukan, Lembaga Pengarah akan meminta para penasihat Syarikat untuk memberi nasihat sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan tugas mereka.

Lawatan ke Tapak Projek

Pendekatan “turun ke padang” yang diamalkan oleh para Pengarah melalui lawatan ke tapak-tapak projek pada tahun yang ditinjau adalah berguna untuk membantu mereka lebih memahami operasi Syarikat dan memberi para Pengarah gambaran lebih dekat berhubung pembangunan pelbagai projek yang dijalankan oleh Syarikat; ini membolehkan para Pengarah menyumbang secara berkesan di dalam perbincangan dan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah.

Pendidikan Pengarah

Sebagai elemen penting dalam proses pelantikan para pengarah baru, pendidikan diatur untuk ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baru. Para Pengarah turut menerima latihan lanjut dari semasa ke semasa, khususnya berhubung undang-undang dan peraturan baru yang berkaitan serta risiko perdagangan yang sering berubah-ubah.

Semua Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori seperti yang ditetapkan oleh peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Pemilihan Semula Pengarah

Selaras dengan Artikel Pertubuhan Syarikat, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah tertakluk kepada pemilihan semula oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan (“MAT”) pertama selepas pelantikan mereka. Artikel Pertubuhan Syarikat turut memperuntukkan bahawa sekurang-kurangnya satu per tiga daripada baki Lembaga Pengarah tertakluk kepada pemilihan semula mengikut giliran pada setiap MAT.

2. JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah mengagihkan fungsi tertentu kepada beberapa Jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk membantu melaksanakan tanggungjawabnya terhadap Syarikat. Jawatankuasa ini beroperasi di bawah takrifan jelas bidang yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini mempunyai autoriti untuk meneliti isu-isu tertentu dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah berserta syor-syornya. Pengerusi setiap Jawatankuasa tersebut akan melapor kepada Lembaga Pengarah berhubung hasil mesyuarat Jawatankuasa dan syor-syornya. Walau bagaimanapun,

statement of corporate governance

2. BOARD COMMITTEES (continued)

Committee meetings and its recommendations. The ultimate responsibility for the final decision on all matters, however, lies with the entire Board.

The following Board Committees have been established:

Executive Committee of The Board

In its continuous effort to improve itself for effective leadership and management of the Company, the Board had on 17 November 2005, established an Executive Committee (“EXCO”) whose main functions are:

- 1) To guide the Management in the implementation of the GLC Transformation Initiatives;
- 2) To review and recommend the annual business plan and budget of the Company to the Board for approval;
- 3) To consider and review significant and/or major issues relating to any business direction of the Company; and
- 4) Deliberate on all major business transactions and issues relating to the Company that require the EXCO's or Board's approval in line with the approved Limits of Authority.

The members shall comprise at least three (3) members whom shall be appointed by the Board:

- 2 representatives of the major shareholder
- 1 Executive Director

Executive Committee of The Board (continued)

The members nominated to the EXCO are:

Dr. Roslan A Ghaffar * (Chairman)
Ahmad Zaki Zahid **
Mohamad Lotfy Mohamad Noh *
Shahril Ridza Ridzuan ***

- * Non Independent, Non-Executive Director
- ** Independent, Non-Executive Director;
- *** Group Managing Director/
Chief Executive Officer

The inaugural EXCO meeting was held on 6 December 2005.

The Board will continue to review and streamline the functions and membership of the EXCO to ensure its effectiveness.

Nomination Committee

The Code endorses, as good practice, a formal procedure for appointments to the Board, with a Nomination Committee making recommendations to the Board. In line with this, the Nomination Committee (“NC”) was established on 31 October 2001.

The NC's terms of reference include:

- i) Identifying and recommending new nominees to the Board and committees of the Board of MRCB, and nominees to the Boards of its subsidiaries. All decisions and appointments are made by the respective Boards after considering the recommendation of the NC;
- ii) Assisting the Board, committees of the Board and Directors in assessing its overall effectiveness on an on-going basis; and

Nomination Committee (continued)

- iii) Assisting the Board in periodically reviewing its required mix of skills and experience and other qualities that Non-Executive Directors should bring to the Board.

The NC comprise:

Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar (Chairman) *
Dato' Ahmad Ibnihajar *
Dr. Roslan A. Ghaffar **

- * Independent, Non-Executive Director
- ** Non-independent, Non-Executive Director

The NC shall meet at least once a year, and a quorum of three (3) is required to convene the meeting. The NC has met once during the review period, on 15 July 2005.

Remuneration Committee

In line with the Best Practices of the Code, a Remuneration Committee (“RC”) was set up on 31 October 2001.

The terms of reference of the RC are:

- i) To determine and recommend to the Board the framework or broad policy for the remuneration packages of the Chairman of the Board, the GMD/CEO and other senior management officers it is designated to consider;
- ii) To establish a formal and transparent procedure for developing a policy on the total individual remuneration package of the GMD/CEO and other designated senior management officers including, where appropriate, bonuses, incentives and share options;

penyata tadbir urus korporat

2. JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH (sambungan)

tanggungjawab muktamad untuk membuat keputusan muktamad berhubung semua perkara terletak kepada keseluruhan Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah berikut telah diwujudkan.

Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah

Dalam usahanya yang berterusan untuk mempertingkatkan kepimpinan dan pengurusan berkesan Syarikat, pada 17 November 2005, Lembaga Pengarah telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") yang mempunyai fungsi utama untuk:

- 1) Memberi panduan kepada Pengurusan dalam pelaksanaan Inisiatif Transformasi GLC;
- 2) Mengkaji dan mengesyorkan rancangan serta belanjawan perniagaan tahunan Syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan;
- 3) Mempertimbangkan dan mengkaji isu-isu penting dan/atau utama berkaitan sebarang halatuju perniagaan Syarikat; dan
- 4) Membincangkan semua urusan perniagaan dan isu utama perniagaan berkaitan Syarikat yang memerlukan kelulusan EXCO atau Lembaga Pengarah, sejajar dengan Had Autoriti yang diluluskan.

EXCO hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli yang mana hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah:

- 2 orang wakil pemegang saham utama
- Seorang Pengarah Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah (sambungan)

Ahli-ahli yang dicalonkan ke EXCO adalah:

Dr. Roslan A. Ghaffar * (Pengerusi)
Ahmad Zaki Zahid **
Mohamad Lotfy Mohamad Noh *
Shahril Ridza Ridzuan ***

- * Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
- ** Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- *** Pengarah Urusan Kumpulan/ Ketua Pegawai Eksekutif

Mesyuarat EXCO yang pertama telah diadakan pada 6 Disember 2005.

Lembaga Pengarah akan terus mengkaji dan memperkembangkan fungsi serta keahlian EXCO bagi memastikan keberkesanannya.

Jawatankuasa Pencalonan

Kod mengesahkan sebagai satu amalan terbaik, sebuah prosedur formal bagi pelantikan ke Lembaga Pengarah berasaskan usul yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pencalonan kepada Lembaga Pengarah. Sejajar dengan itu, Jawatankuasa Pencalonan ("JP") telah ditubuhkan pada 31 Oktober 2001.

Bidang kuasa JP termasuk:

- i) Menenalpasti dan mengesyorkan calon-calon baru ke Lembaga Pengarah dan jawatankuasa Lembaga Pengarah MRCB dan calon ke Lembaga Pengarah syarikat-syarikat subsidiarinya. Semua keputusan dan pelantikan dibuat oleh Lembaga Pengarah masing-masing selepas mempertimbangkan syor JP;
- ii) Membantu Lembaga Pengarah, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan para pengarah dalam menilai keberkesanan menyeluruh mereka secara berterusan; dan

Jawatankuasa Pencalonan (sambungan)

- iii) Membantu Lembaga Pengarah mengkaji secara berkala campuran kemahiran dan pengalaman serta kualiti-kualiti lain yang perlu dibawa oleh para Pengarah Bukan Eksekutif ke dalam Lembaga Pengarah.

Ahli-ahli JP terdiri daripada:

Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar (Pengerusi) *
Dato' Ahmad Ibnihajar *
Dr. Roslan A. Ghaffar **

- * Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- ** Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

JP hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun, dan kuorum tiga (3) orang diperlukan untuk mengadakan mesyuarat. JP telah bermesyuarat sekali pada tempoh yang ditinjau, iaitu pada 15 Julai 2005.

Jawatankuasa Imbuhan

Selaras dengan Amalan Terbaik Kod, sebuah Jawatankuasa Imbuhan ("JI") telah ditubuhkan pada 31 Oktober 2001.

Bidang kuasa JI meliputi:

- i) Untuk menentu dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja atau dasar umum untuk pakej imbuhan Pengerusi Lembaga Pengarah, GMD/CEO dan para pegawai pengurusan kanan lain yang ditentukan untuk pertimbangannya.
- ii) Untuk menetapkan satu prosedur formal dan telus bagi mewujudkan dasar berhubung keseluruhan pakej imbuhan setiap individu bagi GMD/CEO dan para pegawai pengurusan kanan lain yang ditentukan termasuk, mengikut kesesuaian, bonus, insentif dan opsyen saham.

statement of corporate governance

Remuneration Committee (continued)

iii) To design the remuneration package for GMD/CEO and other designated senior management officers with the aim of attracting and retaining high-calibre senior management personnel who will deliver success for shareholders and high standards of service for customers, while having due regard to the business environment in which the Company operates. Once formulated, the remuneration package is recommended to the Board for approval;

iv) To review and recommend to the Board improvements (if any) on GMD/CEO and designated senior management officers' remuneration policy and package, and any other issues relating to benefits of those designated officers on an annual basis;

v) To review any major changes in employee benefit structures throughout the Company, and where appropriate recommend to the Board for adoption; and

vi) To review and recommend to the Board for adoption the framework for the Company's annual incentive scheme. The framework for the annual incentive scheme may include:

- Merit increment
- Merit bonus
- Incentives

Remuneration Committee (continued)

The members of the RC are:

Dato' Ahmad Ibnihajar * (Chairman)
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar *
Dr. Roslan A. Ghaffar **

* Independent, Non-Executive Director
** Non-independent, Non-Executive Director

During the period under review, the RC held three (3) meetings, on 24 February 2005, 31 March 2005 and 16 May 2005.

Employee Share Option Scheme ("ESOS") Committee

The ESOS Committee was set up to ensure that the implementation of the ESOS Scheme was administered fairly in accordance to the Company by-laws of the ESOS Scheme approved by shareholders on 12 August 2002.

The ESOS Committee members are:

Dato' Ahmad Ibnihajar * (Chairman)
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar *
Dr. Roslan A. Ghaffar **

* Independent, Non-Executive Director
** Non-Independent, Non-Executive Director

During the year under review there was no ESOS Committee meetings, as ESOS allocations to employees of the Company was not proposed during the year.

Audit Committee ("AC")

The AC Report is set out on page 72 to 77 of this Annual Report.

3. ACCOUNTABILITY AND AUDIT

Financial Reporting

In presenting the annual financial statements, quarterly announcement of results to shareholders, reports to regulators and other price-sensitive public reports, the Directors undertake to present a balance and understandable assessment of the Company's position and prospects.

The Board retains the responsibility for the preparation of the financial statements of the Company. The Board has ensured that the financial statements have been prepared based on accounting policies that have been consistently and properly applied, supported by reasonable and prudent judgments and estimates, and in adherence to all applicable accounting standards. It is also the Board's responsibility to ensure that accounting records are accurate, within margins of reasonableness, and which discloses the financial position of the Company in a true and fair manner.

The statements by Directors pursuant to Section 169(15) of the Companies Act, 1965 in relation to the preparation of the financial statements are set out on page 92 of this Annual Report under "Statement by Directors"

Relationship with External Auditors

The Company has established transparent and appropriate relationships with its auditors through the AC.

The role of the AC in relation to the auditors is described on page 72 to 76 of this Annual Report.

penyata tadbir urus korporat

Jawatankuasa Imbuhan (sambungan)

iii) Untuk merangka pakej imbuhan bagi GMD/CEO dan para pegawai pengurusan kanan lain yang ditentukan dengan tujuan untuk menarik dan mengekalkan pegawai pengurusan kanan berkebolehan yang akan memberi kejayaan kepada para pemegang saham dan tahap perkhidmatan yang tinggi kepada para pelanggan, di samping memberi pertimbangan sewajarnya terhadap persekitaran perniagaan di mana Syarikat beroperasi. Setelah dirumuskan, ia akan disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan;

iv) Untuk mengkaji semula dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah peningkatan (jika ada) mengenai dasar dan pakej imbuhan GMD/CEO dan para pegawai pengurusan kanan yang ditentukan, dan sebarang isu lain yang berkaitan dengan ganjaran tahunan untuk para pegawai tersebut;

v) Untuk mengkaji sebarang perubahan besar dalam struktur faedah pekerja di keseluruhan Syarikat, dan jika sesuai ia akan disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk diterima pakai; dan

vi) Untuk mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah penggunaan rangka kerja untuk skim insentif tahunan Syarikat. Rangka kerja skim insentif tahunan itu boleh meliputi:

- Kenaikan gaji mengikut merit
- Bonus mengikut merit
- Insentif

Jawatankuasa Imbuhan (sambungan)

Ahli-ahli JI adalah:

Dato' Ahmad Ibnihajar * (Pengerusi)
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar *
Dr. Roslan A. Ghaffar **

* Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
** Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Pada tempoh yang ditinjau, JI telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 24 Februari 2005, 31 Mac 2005 dan 16 Mei 2005.

Jawatankuasa Skim Pilihan Saham Kakitangan ("SPSK")

Jawatankuasa SPSK telah diwujudkan untuk memastikan supaya pelaksanaan Skim SPSK ditadbir dengan saksama menurut undang-undang kecil Syarikat berhubung Skim SPSK yang diluluskan oleh para pemegang saham pada 12 Ogos 2002.

Ahli-ahli Jawatankuasa SPSK adalah:

Dato' Ahmad Ibnihajar * (Pengerusi)
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar *
Dr. Roslan A. Ghaffar **

* Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
** Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Pada tahun yang ditinjau, Jawatankuasa SPSK tidak mengadakan sebarang mesyuarat kerana peruntukan SPSK kepada kakitangan Syarikat tidak dicadangkan pada tahun tersebut.

Jawatankuasa Audit ("JA")

Laporan JA dibentangkan di muka surat 73 hingga 78 dalam Laporan Tahunan ini.

3. AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Laporan Kewangan

Dalam pembentangan penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan suku tahun kepada para pemegang saham, laporan kepada penguatkuasa peraturan dan laporan-laporan sensitif harga kepada orang ramai yang lain, Lembaga Pengarah berusaha untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan boleh difahami berhubung kedudukan dan prospek Syarikat.

Lembaga Pengarah mengekalkan tanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga telah memastikan bahawa penyata kewangan disediakan berdasarkan penggunaan dasar perakaunan secara konsisten dan sesuai, disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat serta mematuhi semua piawaian perakaunan yang diterima pakai. Para Pengarah turut bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rekod perakaunan berada dalam lingkungan ketepatan munasabah, serta mendedahkan kedudukan yang benar dan saksama berhubung kewangan Syarikat.

Penyata para Pengarah menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965 berhubung penyediaan penyata kewangan dibentangkan di muka surat 170 dalam Laporan Tahunan ini di bawah "Penyata oleh para Pengarah".

Perhubungan dengan Juruaudit Luaran

Syarikat menjalin perhubungan yang telus dan sesuai dengan juruauditnya melalui JA.

Peranan JA dalam hubungan dengan juruaudit tersebut dinyatakan di muka surat 73 hingga 77 dalam Laporan Tahunan ini.

statement of corporate governance

Internal Control

The Board affirms its responsibility to ensure an effective system of internal control exists, and reviews the adequacy and integrity of the Company's system of internal controls regularly. The Board believes that a sound system of internal controls, financial or otherwise, should provide reasonable assurance on:

- the effectiveness and efficiency of operations;
- the reliability of financial information; and
- compliance with laws and regulations of Malaysia and the countries the Company ventures into overseas.

The Statement on Internal Control is set out on page 78 of this Annual Report.

Risk Management

The Board is mindful of the need for risks to be identified and managed in order to protect the Company's assets and investments. It had on 29 January 2003 approved the Risk Management Framework (RMF), which is an enterprise-wide continuous, proactive and systematic process for identifying, evaluating, monitoring and managing the significant risks affecting the achievement of the Company's business objectives.

In its continuous process of improvement, the Board had reviewed and revised the RMF on 24 February 2005.

The Risk Management Report is set out in this Annual Report on page 80.

4. QUALITY ASSURANCE

The Board and Management of MRCB are aware of the need to consistently deliver products and services of high quality standards to its customers and clients.

The Management of the Company's various operating units undertakes the primary responsibility for delivery of quality products and services.

In assisting the Board and the Management in this respect, a Quality & Process Improvement unit under Corporate Governance has been established, which continuously conduct independent reviews on the quality of the Company's products and services as well as the Company's standard operating procedures, and provide feedback and recommendations to assist Management on improvement opportunities that arise from the reviews.

5. ASSURANCE ON ASSOCIATED COMPANYS' PERFORMANCE

To oversee the performance of associated companies, representatives from the Company are appointed to the Board of Directors of associated companies and attend board meetings. For active associated companies, key financial information and significant issues pertaining to these companies is sought and reviewed by the MRCB Board on a regular basis.

6. TRANSPARENCY

– SHAREHOLDERS AND INVESTORS

Shareholders and Investors

As a public-listed company responsible to its shareholders, the Company acknowledges the need for transparency and disclosure in its major business dealings.

In order to ensure that stakeholders and investing public has up-to-date information on the Company's performance, operations and other significant developments, various corporate announcements required under the Bursa Malaysia Securities Berhad Listing Requirements including timely release of quarterly financial results are made during the period under review. In addition, detailed information on significant corporate events and developments were made through the media via press releases and/or press conferences.

The Company has in place a website at "<http://www.mrcb.com.my>", through which shareholders and investors can conveniently access for information about the Company.

Annual General Meeting ("AGM")

The Board takes the AGM as the forum to communicate with its shareholders the Company's progress and performance. The AGM also serves as a platform for shareholders to question or clarify on issues pertaining to the Company's business activities, performance and related issues.

Where appropriate, the Chairman of the Board undertakes to provide the questioner with a written answer to any significant question that cannot be readily answered during the AGM.

penyata tadbir urus korporat

Kawalan Dalam

Lembaga Pengarah menegaskan tanggungjawabnya untuk memastikan wujud satu sistem kawalan dalaman yang berkesan, dan mengkaji kecukupan serta kewibawaan sistem kawalan dalaman Syarikat secara kerap. Lembaga Pengarah percaya bahawa sistem kawalan dalaman dan kewangan yang baik boleh memberi jaminan yang wajar berhubung:

- keberkesanan dan kecekapan operasi;
- kebolehpercayaan maklumat kewangan; dan
- pematuhan dengan undang-undang dan peraturan Malaysia serta negara-negara di mana Syarikat mempunyai penerokaan perniagaan luar negara.

Penyata Kawalan Dalaman dibentangkan di muka surat 79 dalam Laporan Tahunan ini.

Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah mengambil berat tentang keperluan untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko bagi melindungi aset dan pelaburan Syarikat. Pada 29 Januari 2003, Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko (RMF) yang merupakan satu proses seluruh perniagaan yang berterusan, proaktif dan sistematik untuk mengenalpasti, menilai, memantau dan menguruskan risiko-risiko penting yang menjejaskan pencapaian objektif perniagaan Syarikat.

Dalam proses peningkatannya yang berterusan, Lembaga Pengarah telah mengkaji dan menyemak semula RMF pada 24 Februari 2005.

Laporan Pengurusan Risiko dibentangkan di muka surat 81 dalam Laporan Tahunan ini.

4. JAMINAN KUALITI

Lembaga Pengarah dan Pengurusan MRCB sedar tentang keperluan untuk menyediakan piawaian kualiti produk dan perkhidmatan yang tinggi kepada para pelanggan dan kliennya.

Pengurusan pelbagai unit operasi Syarikat melaksanakan tanggungjawab utama untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti.

Dalam membantu Lembaga Pengarah dan Pengurusan untuk tujuan tersebut, satu unit Peningkatan Kualiti & Proses di bawah Tadbir Urus Korporat telah diwujudkan. Ia menjalankan kajian bebas secara berterusan berhubung produk dan perkhidmatan Syarikat serta prosedur operasi piawai Syarikat, dan menyediakan maklum balas dan syor-syor untuk membantu Pengurusan berhubung peluang-peluang peningkatan yang timbul daripada kajian tersebut.

5. JAMINAN KE ATAS PRESTASI SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

Untuk mengawalselia prestasi syarikat-syarikat bersekutu, wakil-wakil daripada Syarikat telah dilantik ke Lembaga Pengarah syarikat-syarikat bersekutu dan menghadiri mesyuarat lembaga pengarah. Bagi syarikat-syarikat bersekutu yang aktif, maklumat kewangan penting dan isu-isu utama mengenai syarikat-syarikat tersebut dikumpul dan dikaji secara kerap oleh Lembaga Pengarah MRCB.

6. KETELUSAN – PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

Pemegang Saham dan Pelabur

Sebagai sebuah syarikat senarai awam yang bertanggungjawab terhadap para pemegang sahamnya, Syarikat mengakui perlunya ketelusan dan pendedahan dalam urusan perniagaannya.

Bagi memastikan supaya para pemegang kepentingan dan masyarakat pelabur memperoleh maklumat terkini berhubung prestasi, operasi dan perkembangan penting lain Syarikat, pelbagai pengumuman korporat yang diperlukan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad termasuk pengeluaran keputusan kewangan suku tahunan yang tepat pada masanya dilakukan pada tempoh yang ditinjau. Selain itu, maklumat terperinci berhubung acara dan perkembangan penting korporat turut disebarkan melalui media menerusi siaran akhbar dan/atau sidang akhbar.

Syarikat telah menyediakan satu laman web di "<http://www.mrcb.com.my>" yang boleh diakses dengan mudah oleh para pemegang saham dan pelabur untuk mendapatkan maklumat mengenai Syarikat.

Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT")

Lembaga Pengarah menganggap MAT sebagai forum untuk menyampaikan perkembangan dan prestasi Syarikat kepada para pemegang sahamnya. MAT turut berperanan sebagai satu platform untuk para Pemegang Saham mengajukan soalan atau meminta penjelasan berhubung isu-isu mengenai aktiviti perniagaan, prestasi dan isu-isu berkaitan Syarikat.

Di mana sesuai, Pengerusi Lembaga Pengarah akan memberi jawapan bertulis kepada penanya bagi soalan-soalan yang tidak dapat diberikan jawapan semasa MAT.

audit committee report

1. PRINCIPLES OF THE CODE

The Board has ensured that the best practices principles prescribed in the Code, in relation to the AC, has been applied. The Code prescribes that:

- The AC members shall be appointed by the Board of Directors amongst the Directors, and shall consist of not less than three (3) members. A majority of the AC members including the Chairman must be an independent Director. An alternate director cannot be appointed as a member of the AC.
- At least one member of the AC must be a member of the Malaysian Institute of Accountants, or a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967, or have at least 3 years' relevant working experience.
- In the event of any vacancy in the AC resulting in the non-compliance of the above requirements, the Company must fill the vacancy within 3 months.
- The AC shall meet at least 4 times in a year to discuss any matters raised by the auditors in discharging their functions. The quorum for a meeting of the AC shall be three (3), of which the majority must be Independent Directors.

2. ENHANCING THE AC'S FUNCTIONS

Terms of Reference

The Board approved an updated Terms of Reference for the AC on 24 February 2005 as outlined below:

1. The AC shall be granted the authority to investigate any activity of the Company, its subsidiaries and employees. All employees shall be directed to cooperate as requested by members of the AC.
2. The AC shall be empowered to retain persons having special competence as necessary to assist the AC in fulfilling its responsibilities.
3. The AC shall provide assistance to the Board in fulfilling its fiduciary responsibilities, particularly relating to business ethics, policies, financial management & control.
4. The AC, through regularly scheduled meetings, shall maintain a direct line of communication between the Board, External Auditor, Internal Auditor and Management.
5. The AC shall provide greater emphasis on the Audit function by increasing the objectivity and independence of the External and Internal Auditors, and providing a forum for discussion that is independent of the Management.

Authority

The AC shall have the following authority as empowered by the Board of Directors:

1. Have authority to investigate any matter within its terms of reference;
2. Have the resources which are required to perform its duties;
3. Have full, free and unrestricted access to any information, records, properties and personnel of the Company;
4. Have direct communication channels with the External Auditors and Internal Audit;
5. Be able to obtain independent professional or other advice; and
6. Be able to convene meetings with the External Auditors and Internal Auditors together with other independent members of the Board, excluding the attendance of the executive members of the AC, at least once a year or whenever deemed necessary. The AC should also be able to meet exclusively among itself whenever deemed necessary.

Duties and Responsibilities

The duties and responsibilities of the AC are as follows:

1. To consider and recommend the appointment of the External Auditor, the audit fee and any questions of resignation or dismissal;

laporan jawatankuasa audit

1. PRINSIP KOD

Lembaga Pengarah telah memastikan supaya prinsip amalan terbaik seperti yang digariskan di dalam Kod telah diguna pakai oleh JA. Kod menggariskan bahawa:

- Ahli-ahli JA hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan para Pengarah dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli. Majoriti ahli JA, termasuk Pengerusi, hendaklah merupakan seorang Pengarah bebas. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli JA.
- Sekurang-kurangnya seorang ahli JA mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia, atau ahli salah sebuah pertubuhan akauntan yang dinyatakan di dalam Bahagian II Jadual Akauntan Pertama Akta 1967, atau mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman kerja yang berkaitan.
- Jika berlaku sebarang kekosongan dalam JA yang disebabkan oleh ketidakpatuhan terhadap keperluan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh 3 bulan.
- JA hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh juruaudit dalam pelaksanaan fungsi mereka. Kuorum bagi sesebuah mesyuarat JA hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang, di mana majoriti daripada mereka hendaklah Pengarah Bebas.

2. MEMPERTINGKATKAN FUNGSI JA

Bidang Rujukan

Lembaga Pengarah telah meluluskan Bidang Rujukan bagi JA yang dikemaskini pada 24 Februari 2005 seperti yang digariskan di bawah:

1. JA diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat, syarikat-syarikat subsidiarinya dan kakitangannya. Semua kakitangan akan diarah supaya bekerjasama seperti yang diminta oleh ahli JA.
2. JA diberi kuasa untuk mengekalkan orang-orang yang mempunyai kemahiran khas yang diperlukan untuk membantu dalam melaksanakan tanggungjawabnya.
3. JA akan memberi bantuan kepada Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar, pengurusan & kawalan kewangan.
4. Melalui mesyuarat yang dijadualkan secara tetap, JA perlu mengekalkan saluran komunikasi langsung dengan Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar dan dalaman serta pihak Pengurusan.
5. JA memberi penekanan yang lebih besar kepada fungsi audit dengan mempertingkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit luar dan Dalaman serta menyediakan suatu forum untuk perbincangan yang bebas daripada Pengurusan.

Bidang Kuasa

JA mempunyai kuasa berikut seperti yang diberi oleh Lembaga Pengarah:

1. Mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam bidang rujukannya;
2. Mempunyai sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
3. Mempunyai akses sepenuhnya, bebas dan tanpa halangan kepada sebarang maklumat, rekod, aset dan kakitangan Syarikat;
4. Mempunyai saluran komunikasi langsung dengan Juruaudit Luar dan Audit Dalaman;
5. Boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
6. Boleh mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Luar dan Juruaudit Dalaman bersama-sama dengan ahli bebas Lembaga yang lain, tanpa kehadiran ahli eksekutif JA, sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila dianggap perlu. JA hendaklah bermesyuarat secara eksklusif di kalangan ahlinya apabila dianggap perlu.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab JA adalah seperti berikut:

1. Untuk menimbang dan mencadangkan pelantikan Juruaudit Luar, yuran audit tersebut dan sebarang persoalan mengenai peletakan atau pemecatan jawatan;

audit committee report

Duties and Responsibilities (continued)

2. To discuss with the External Auditor before the audit commences, the nature and scope of the audit, and ensure co-ordination where more than one audit firm is involved;
3. To review the assistance given by the employees of the Company to the External Auditor;
4. To discuss with the External Auditor, his audit report and his evaluation of the system of internal controls;
5. To review the quarterly and year-end financial statements of the Company, prior to the approval by the Board of Directors, focusing particularly on:
 - Any changes in accounting policies and practices;
 - Significant adjustments arising from the audit;
 - The going concern assumption;
 - Compliance with accounting standards and other legal requirements;
6. To discuss problems and reservations arising from the interim and final audits, and any matter the external auditor may wish to discuss (in the absence of Management where necessary);
7. To review the external auditor's Management Letter and Management's response;

Duties and Responsibilities (continued)

8. To do the following where an Internal Audit function exists:
 - Review, on an ongoing basis, the adequacy of the scope, functions and resources of the Internal Audit function, and that it has the necessary authority to carry out its work;
 - Review the Internal Audit programme, processes, the results of the Internal Audit programme, or investigation undertaken. Where necessary, the AC will ensure that appropriate action is taken on the reports and recommendations of Internal Audit and that all the above are not subject to management's approval or clearance;
 - Review any appraisal or assessment of the performance of members of the Internal Audit function;
 - Determine and recommend to the Board the remit of the Internal Audit function, including the remuneration of the Chief Internal Auditor;
 - Monitor closely significant disagreement(s) between Internal Auditor and Management, whether resolved or not.
9. To ensure that all serious allegations involving issues such as fraud, misconduct and criminal breach of trust are brought to the AC's attention. An investigation must obtain the clearance of the AC Chairman before it can proceed, and the AC is empowered to review the major findings of such internal investigations and the management's response to the issue highlighted;

Duties and Responsibilities (continued)

10. To consider any related party transactions and conflict of interest situation that may arise within the Company including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of management integrity;
11. To obtain satisfactory response from management on the Internal Audit reports and reports issued by External Auditors;
12. To submit a summary report to the Board after each AC meeting to advise on issues discussed, as well as an annual report to the Board highlighting material concerns discovered by Internal Audit during the year;
13. To oversee the Risk Management function of the Company, and report to the Board significant changes in the business and the external environment which affect key risks;
14. Where review of audit reports of subsidiaries and any related corporation also falls under the jurisdiction of the AC, all the abovementioned functions shall also be performed by the AC in co-ordination with the Board of Directors of the subsidiaries and related corporation;
15. To review arrangements established by management for compliance with any regulatory or other external reporting requirements, by-laws and regulation related to the Company's operations; and
16. To consider other topics as defined by the Board.

laporan jawatankuasa audit

Tugas dan Tanggungjawab (sambungan)

2. Untuk berbincang dengan Juruaudit Luar, sebelum pengauditan dimulakan; jenis dan skop audit yang akan dijalankan dan memastikan penyelarasan jika ianya melibatkan lebih daripada sebuah firma audit.
3. Untuk mengkaji bantuan yang akan diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada Juruaudit Luar;
4. Untuk berbincang dengan Juruaudit Luar tentang laporan audit dan penilaian beliau tentang sistem kawalan dalaman;
5. Untuk mengkaji penyata kewangan Syarikat setiap suku tahun dan akhir tahun, sebelum diluluskan oleh lembaga pengarah, dengan menumpukan terutamanya kepada:
 - Sebarang perubahan dasar dan amalan perakaunan;
 - Pelarasan penting yang timbul daripada pengauditan tersebut;
 - Andaian kesinambungan perniagaan;
 - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.
6. Untuk membincangkan masalah dan persoalan yang timbul daripada audit interim dan akhir dan sebarang perkara yang juruaudit luar mungkin ingin membincangkan (tanpa kehadiran Pengurusan, jika perlu);
7. Untuk mengkaji surat pengurusan dari juruaudit luar dan tindak balas pengurusan;

Tugas dan Tanggungjawab (sambungan)

8. Untuk melakukan yang berikut berhubung dengan fungsi audit dalaman yang tersedia:
 - Mengkaji secara berterusan, kecukupan skop, fungsi dan sumber fungsi Audit Dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
 - Mengkaji program, proses, keputusan program Audit Dalaman atau penyiasatan Audit Dalaman yang dijalankan. Apabila perlu, JA akan memastikan supaya tindakan sewajarnya diambil berkaitan laporan dan cadangan Audit Dalaman dan bahawa semua di atas tidak tertakluk kepada kelulusan atau pelepasan pengurusan;
 - Mengkaji sebarang penaksiran atau penilaian prestasi para ahli dalam fungsi Audit Dalaman;
 - Menentu dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah remit fungsi Audit Dalaman, termasuk imbuhan Ketua Juruaudit Dalaman;
 - Memantau secara rapat perselisihan pendapat (pendapat-pendapat) yang ketara antara Juruaudit Dalaman dan Pengurusan, sama ada telah diselesaikan atau belum.
9. Untuk memastikan supaya semua tuduhan serius yang melibatkan isu-isu seperti penipuan, salah laku dan pecah amanah dibawa ke perhatian JA. Sebelum penyiasatan diteruskan, kelulusan Pengerusi JA adalah diperlukan dan JA diberi kuasa untuk mengkaji penemuan utama penyiasatan dalaman sedemikian serta tindak balas pengurusan terhadapnya;

Tugas dan Tanggungjawab (sambungan)

10. Untuk menimbang sebarang urusan pihak berkaitan dan situasi konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat, termasuk sebarang urusan, prosedur atau tatalaku yang menimbulkan persoalan tentang kewibawaan pengurusan;
11. Untuk mendapatkan tindak balas memuaskan daripada pengurusan tentang laporan Juruaudit Dalaman dan laporan yang dikeluarkan oleh Juruaudit Luar;
12. Untuk menghantar ringkasan laporan kepada Lembaga Pengarah selepas setiap mesyuarat JA untuk memberi nasihat tentang isu-isu yang telah dibincangkan serta sebagai laporan tahunan kepada Lembaga Pengarah untuk memaklumkan tentang perkara-perkara penting yang ditemui oleh juruaudit dalaman pada tahun tersebut;
13. Untuk mengawalselia fungsi Jawatankuasa Pengurusan Risiko Syarikat dan laporan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan penting dalam perniagaan dan persekitaran luar yang membawa kesan kepada risiko-risiko utama;
14. Apabila kajian laporan audit syarikat-syarikat subsidiari dan perbadanan berkaitan juga jatuh di bawah bidang kuasa JA, semua fungsi yang disebutkan di atas akan dilaksanakan oleh JA secara selaras dengan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat subsidiari dan perbadanan berkaitan;
15. Untuk mengkaji pengaturan yang ditetapkan oleh pengurusan mematuhi sebarang peraturan atau keperluan laporan luaran, undang-undang kecil dan peraturan berkaitan dengan operasi Syarikat; dan
16. Untuk mempertimbangkan topik-topik lain seperti yang ditakrif oleh Lembaga Pengarah.

audit committee report

3. ENHANCING INTERNAL AUDIT

The Company supports Internal Audit as an independent appraisal function to examine and evaluate its activities as a value-added service to the management.

In order to improve the effectiveness of Internal Audit, the AC reviewed and approved an Internal Audit Charter on 17 January 2005. The Charter clarifies the objectives, mission, scope, organisation, authority and responsibilities of Internal Audit which is part of MRCB's Corporate Governance Department.

4. ACTIVITIES

AC Meetings

The AC met on 6 occasions for the period of 1 January 2005 to 31 December 2005. The meetings were held on 17 February 2005, 27 April 2005, 16 May 2005, 20 May 2005, 17 August 2005 and 17 November 2005.

Composition of AC Members and Attendance at AC Meetings

Members	Meetings Attended
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar * (Chairman)	6/6 (100%)
Datuk Zahari Omar ** (Resigned 26 May 2005)	4/4 (100%)
Dato' Ahmad Ibniহার* (Appointed w.e.f. 20 July 2005)	6/6 (100%)
Abdul Rahman Ahmad ** (Appointed w.e.f. 20 July 2005)	2/2 (100%)

* Independent, Non-Executive Directors

** Member of Malaysian Institute of Accountants

In addition to the AC members, the Chief Financial Officer and Chief Internal Auditor are invited to attend each meeting. The Head of companies/departments and their Management team may also be invited to attend when audit reports on their companies/departments are tabled for discussion. The presence of External Auditors will be requested when required.

The AC Chairman has upon the request of the External Auditor, convened a meeting of the AC to consider matters the External Auditors believes should be brought to the attention of the Directors or Shareholders.

The auditors were given the right to appear and be heard at any meeting of the AC, and shall appear before the AC when required to do so by the AC.

Reviews

During the year under review, the AC conducted the following reviews:

● Financial Statements

- The quarterly financial result announcements;
- The year-end financial statements of the Company; and
- Related party transactions that arose within the Company.

● Internal Audit

- Annual audit plan proposed by the Internal Auditor;
- Audit reports presented by the Internal Auditor on the Company and its subsidiaries, and findings and recommendations with respect to system and control weaknesses arising from the audits; and
- Follow-up audits to determine the status of implementation of the recommendations made by Internal Audit.

● External Audit

- The External Auditor's reports in relation to audit and accounting issues arising from the audit, and updates of new developments on accounting standards issued by the Malaysian Accounting Standards Board;
- Annual Audit strategy and plan of the external auditors

● Risk Management

- Quarterly Business Risk Management Reports of the Risk Management Working Committee.
- Internal Audit's annual assessment of the effectiveness of risk management process and compliance assurance.

laporan jawatankuasa audit

3. MEMPERTINGKATKAN AUDIT DALAMAN

Syarikat menyokong audit dalaman sebagai sebuah fungsi penilaian bebas untuk memeriksa dan menilai aktiviti sebagai perkhidmatan tambah nilai kepada pengurusan.

Bagi meninggikan keberkesanan Audit Dalaman, JA telah mengkaji dan meluluskan sebuah Piagam Audit Dalaman pada 17 Januari 2005. Piagam tersebut menjelaskan objektif, misi, skop, organisasi, kuasa dan tanggungjawab Audit Dalaman yang merupakan sebahagian daripada Jabatan Tadbir Urus Korporat MRCB.

4. AKTIVITI

Mesyuarat JA

JA telah bermesyuarat enam (6) kali dalam tempoh 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2005. Mesyuarat telah diadakan pada 17 Februari 2005, 27 April 2005, 16 Mei 2005, 20 Mei 2005, 17 Ogos 2005 dan 17 November 2005.

Komposisi Ahli-Ahli JA dan Kehadiran di Mesyuarat JA

Ahli	Mesyuarat dihadiri
Dato' Dr. Mohd Shahari Ahmad Jabar * (Pengerusi)	6/6 (100%)
Datuk Zahari Omar ** (meletak jawatan pada 26 Mei 2005)	4/4 (100%)
Dato' Ahmad Ibnihajar *	6/6 (100%)
Abdul Rahman Ahmad ** (Dilantik pada 20 Julai 2005)	2/2 (100%)

* Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

** Ahli Institut Akauntan Malaysia

Selain daripada ahli JA, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Juruaudit Dalam turut dijemput untuk menghadiri setiap mesyuarat JA. Ketua Syarikat/Jabatan dan kakitangan pengurusan mereka boleh juga menghadiri apabila laporan audit syarikat/jabatan mereka dibentang untuk perbincangan. Kehadiran Juruaudit Luar akan diminta apabila perlu.

Di atas permintaan Juruaudit Luar, Pengerusi JA perlu mengadakan mesyuarat untuk mempertimbangkan perkara yang Juruaudit Luar percaya perlu diketengahkan untuk perhatian para Pengarah atau pemegang saham.

Juruaudit juga berhak untuk hadir dan memberi pendapat pada sebarang mesyuarat JA dan perlu hadir di hadapan JA apabila diminta berbuat demikian.

Kajian

Pada tahun yang ditinjau, JA telah menjalankan kajian-kajian berikut:

● Penyata Kewangan

- Pengumuman keputusan kewangan suku tahunan;
- Penyata kewangan akhir tahun Syarikat; dan
- Urusniaga pihak berkaitan yang timbul dalam Syarikat.

● Audit Dalaman

- Rancangan audit tahunan yang dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman;
- Laporan audit yang dibentangkan oleh Juruaudit Dalaman berhubung Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya, serta penemuan dan syor-syor berhubung kelemahan sistem dan kawalan yang timbul daripada audit; dan
- Audit susulan untuk menentukan status pelaksanaan syor-syor yang dikemukakan oleh Audit Dalaman.

● Audit Luar

- Laporan Juruaudit Luar berhubung isu-isu audit dan perakaunan yang timbul daripada audit, dan kemaskini perkembangan terbaru berhubung piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- Strategi dan rancangan audit tahunan yang dikemukakan oleh Juruaudit Luar.

● Pengurusan Risiko

- Laporan Pengurusan Risiko Perniagaan Suku Tahunan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko.
- Penilaian tahunan Audit Dalaman berhubung keberkesanan proses pengurusan risiko dan jaminan pematuhan.

statement on internal control

Principles of the Code

The Code requires listed companies to maintain a sound system of internal control to safeguard shareholders' investments and the Company's assets. The Bursa Malaysia Securities Berhad. Listing Requirements require Directors of listed companies to include a statement in the annual report on the state of internal controls.

Statement on Internal Control

Set out below is the MRCB Board's Statement on Internal Control:

Key elements of the Company's internal control systems are described below:

- i) Clearly defined lines of authority and divisionalised organization structure to monitor the conduct and operations of individual business units;
- ii) Clear delegation of responsibilities to committees of the full Board and to operating units, including authorisation levels for all aspects of the business set out in the Company's Limits of Authority;
- iii) Establishment of a Tender Committee to ensure transparency and integrity of the award process;

Statement on Internal Control (continued)

- iv) A detailed budgeting process, where operating units prepare budgets for the coming year which are approved both at the operating unit level and by the full Board;
- v) Monthly reporting of actual results against budgets, with major variances being followed up by management;
- vi) Monthly status report on divisional and department activities submitted to Performance Monitoring & Risk Management Department for review and discussion;
- vii) Monitoring of performance, including discussion of any significant issues at monthly divisional meetings as well as senior management meetings chaired by the GMD/CEO;
- viii) Regular and comprehensive information provided by management, covering financial performance and key performance indicators such as staff utilisation and cashflow performance;

Statement on Internal Control (continued)

- ix) Regular Internal Audit visits which provide independent assurance on the effectiveness of the Company's system of internal controls, as well as advising Management on areas for further improvements; and
- x) Clearly documented internal policies and procedures set out in a series of standard operating procedures manuals, which are periodically reviewed for improvements and to reflect changes in business structures and processes.

The Board believes that the development of the system of internal controls is an on-going process and has taken steps throughout the year under review to improve its internal control system, and will continue to do so on a continuous basis.

penyata kawalan dalam

Prinsip Kod

Kod memerlukan syarikat-syarikat yang tersenarai mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang baik untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Syarikat. Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad memerlukan para Pengarah syarikat tersenarai untuk menyertakan satu penyata dalam laporan tahunan berhubung keadaan kawalan dalaman.

Penyata Kawalan Dalaman

Berikut adalah Penyata Kawalan Dalaman Lembaga Pengarah MRCB:

Elemen-elemen penting bagi sistem kawalan dalaman Syarikat adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- i) Garis autoroti dan pembahagian struktur organisasi yang ditakrif dengan jelas bagi memantau pengendalian dan operasi setiap unit perniagaan;
- ii) Delegasi tanggungjawab yang jelas kepada jawatankuasa Lembaga Pengarah penuh dan kepada peringkat operasi, termasuk peringkat kelulusan bagi semua aspek perniagaan yang dibentangkan dalam Had Autoriti Syarikat;
- iii) Pembentukan Jawatankuasa Tender bagi memastikan ketelusan dan kewibawaan dalam proses pemberian tender;

Penyata Kawalan Dalaman (sambungan)

- iv) Proses belanjawan yang terperinci, di mana unit operasi menyediakan belanjawan bagi tahun akan datang yang diluluskan di peringkat unit operasi dan oleh Lembaga Pengarah penuh;
- v) Laporan bulanan berhubung keputusan sebenar berbanding belanjawan, dengan perbezaan utama diambil tindakan susulan oleh pihak pengurusan;
- vi) Laporan status bulanan berhubung aktiviti bahagian dan jabatan diserahkan kepada Jabatan Pemantauan Prestasi & Pengurusan Risiko untuk dikaji dan diperbincangkan;
- vii) Pemantauan prestasi meliputi perbincangan berhubung sebarang isu penting pada mesyuarat bulanan bahagian serta mesyuarat pengurusan kanan yang dipengerusikan oleh GMD/CEO;
- viii) Penyediaan maklumat secara kerap dan lengkap oleh pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan petunjuk prestasi utama seperti penggunaan kakitangan dan prestasi aliran tunai;

Penyata Kawalan Dalaman (sambungan)

- ix) Lawatan kerap Audit Dalaman yang menyediakan jaminan bebas berhubung keberkesanan sistem kawalan dalaman Syarikat serta memberi nasihat kepada Pengurusan berhubung perkara-perkara yang perlu dipertingkatkan; dan
- x) Dokumentasi dasar dan prosedur dalaman yang jelas dan dibentangkan dalam satu siri manual piawaian operasi yang dikaji secara berkala untuk dipertingkatkan dan untuk disesuaikan dengan perubahan dalam struktur dan proses perniagaan.

Lembaga Pengarah percaya bahawa pembangunan sistem kawalan dalaman adalah satu proses berterusan dan Lembaga Pengarah telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan sistem kawalan dalaman Syarikat sepanjang tahun dan akan berterusan melakukan sedemikian.

risk management policy and report

Risk Management Policy

The Company acknowledges the need for proactive risk management approach in accordance to best practices as outlined in the Code, thus ensuring that the Company capitalizes on all opportunities and has strategies in place to manage adverse effects.

Risk Management Framework

In a move towards a more integrated approach to risk management, the Board has on 29 January 2003 approved a Risk Management Framework (RMF) for the Company. To improve the Company's risk management process and enhance its effectiveness, the RMF was reviewed and an updated version was approved on 24 February 2005.

Key elements of the RMF are:

- i) The risks are identified and managed at all levels of Management as part of the Company's day-to-day operations;
- ii) On a quarterly basis, a report on risk profiles at each operating unit within the Company is prepared;
- iii) A Risk Management Working Committee, a management-level committee, reviews the Company's risks and presents its report and recommendations to the Audit Committee (which oversees the Company's Risk Management function on behalf of the Board) for deliberation and consideration;
- iv) The Audit Committee will in turn surface any strategic risks issues to the Board's attention; and

Risk Management Framework (continued)

- v) It is a mandatory requirement of the Board that all new investments and divestments proposal go through a risk evaluation process.

Risk Management Working Committee

A Risk Management Working Committee (RMWC), comprising of the Company's senior management personnel, has been established to centralize the Company's risk review, monitoring and management.

The RMWC is chaired by the GMD/CEO and its members include the Chief Financial Officer, Head of Human Resources, and 2 senior management representatives from the Group's core business areas. The Head of Corporate Governance is a permanent invitee to the RMWC.

The RMWC meets at least once every quarter to review all major risks of the Company, considers risks mitigating strategies proposed by management and monitors the progress of implementation of such strategies.

During the year under review, four (4) RMWC meetings were convened.

dasar dan laporan pengurusan risiko

Dasar Pengurusan Risiko

Syarikat mengakui keperluan pendekatan pengurusan risiko yang proaktif menurut amalan terbaik seperti yang digariskan dalam Kod bagi memastikan supaya Syarikat memanfaatkan semua peluang dan menyediakan strategi untuk menguruskan kesan-kesan yang tidak diingini.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Dalam usaha untuk mencapai pendekatan pengurusan risiko yang lebih bersepadu, Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko (RMF) Syarikat pada 29 Januari 2003. Bagi mempertingkatkan proses pengurusan risiko Syarikat dan meningkatkan tahap keberkesanannya, semakan RMF yang dikaji dan kemaskini telah diluluskan pada 24 Februari 2005.

Elemen-elemen utama RMF adalah:

- i) Risiko-risiko dikenalpasti dan diuruskan di semua peringkat Pengurusan sebagai sebahagian daripada operasi harian Syarikat;
- ii) Laporan suku tahunan berhubung profil risiko di setiap unit beroperasi di dalam Syarikat turut disediakan;
- iii) Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko, iaitu sebuah jawatankuasa di peringkat pengurusan, berperanan mengkaji risiko-risiko Syarikat dan membentangkan laporan dan syor-syornya kepada Jawatankuasa Audit (yang mengawalselia fungsi Pengurusan Risiko Syarikat bagi pihak Lembaga Pengarah) untuk diperbincang dan dipertimbangkan;

Rangka Kerja Pengurusan Risiko (sambungan)

- iv) Jawatankuasa Audit akan membawa sebarang isu risiko strategik kepada perhatian Lembaga Pengarah; dan
- v) Adalah menjadi keperluan mandatori Lembaga Pengarah supaya semua cadangan pelaburan baru dan penarikan pelaburan melalui satu proses penilaian risiko.

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko

Sebuah Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (RMWC) yang terdiri daripada kakitangan pengurusan kanan Syarikat telah dibentuk untuk memusatkan kajian, pemantauan dan pengurusan risiko Syarikat.

RMWC dipengerusikan oleh GMD/CEO dan ahli-ahlinya termasuk Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Sumber Manusia dan dua orang wakil pengurusan kanan daripada bidang perniagaan teras Kumpulan. Ketua Tadbir Urus Korporat pula adalah jemputan tetap RMWC.

RMWC bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk mengkaji semua risiko utama Syarikat, mempertimbangkan strategi pengurangan risiko yang dicadangkan oleh pengurusan dan memantau perkembangan pelaksanaan strategi-strategi tersebut.

Empat (4) mesyuarat RMWC telah diadakan pada tahun kewangan yang ditinjau.

additional compliance information

The information set out below is disclosed in compliance with the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"):

(i) Utilisation of Proceeds Raised from Corporate Proposals

There were no proceeds raised by the Company during the financial year ended 31 December 2005.

Disclosed in accordance with Appendix 9C, Part A, item 12 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(ii) Share Buy-Backs

The Company has not sought the approval from the shareholders to purchase its own shares and therefore, has not purchased any of its own shares during the financial year. As such, there are no shares being retained as treasury shares by the Company.

Disclosed in accordance with Paragraph 12.24, Appendix 12D of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(iii) Options, Warrants or Convertible Securities

The Company has not issued any options, warrants or convertible securities during the financial year ended 31 December 2005 other than the granting of options under the MRCB Employees' Share Option Scheme.

Disclosed in accordance with Appendix 9C, Part A, item 14 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(iv) American Depositary Receipt ("ADR") or Global Depositary Receipt ("GDR")

The Company did not sponsor any ADR or GDR programme.

Disclosed in accordance with Paragraph 9C, Part A, item 15 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(v) Profit Guarantee

There were no profit guarantees given by the Company during the financial year.

Disclosed in accordance with Appendix 9C, Part A, item 19 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(vi) Sanctions and/or Penalties Imposed

There was no sanctions and/or penalties imposed on MRCB and its subsidiary companies, directors or management by the relevant regulatory bodies during the financial year.

Disclosed in accordance with Appendix 9C, Part A, item 16 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(vii) Non-audit Fees

The amount of non-audit fees paid to the external auditors for the financial year ended 2005 were RM111,000 and RM104,400 for the Group and Company respectively.

Disclosed in accordance with Appendix 9C, Part A, item 17 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(viii) Variation in Results

There was a variation of 17.96% between the Profit After Tax and Minority Interest stated in the fourth quarter results announced on 24 February 2006 and the audited Statutory Financial Statements for the financial year ended 31 December 2005.

Further details please refer to Appendix I on page 242 of this Annual Report.

There was no profit forecast issued by the Company during the financial year.

Disclosed in accordance with Appendix 9C, Part A, item 18 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(xii) Recurrent Related Party Transaction of a Revenue or Trading Nature

At an Annual General Meeting held on 20 June 2005, the Company had obtained a mandate from its shareholders to allow the Company and its subsidiaries to enter into recurrent related party transactions of a revenue or trading nature.

The aggregate value of each Related Party Transaction of the Group for the financial year ended 31 December 2005 does not exceed RM1 million for the following:

Company in MRCB Group Involved	Related Party	Interested Related Party	Nature of Transaction	Value of Transaction (RM)
MRCB	Sistem Television Malaysia Berhad ("STMB")	Realmild (M) Sdn Bhd Datuk Seri Anwar Jamalullail	Rental of Sri Pentas 2, Plaza Alam Sentral to STMB	1,024,965

Disclosed in accordance with Paragraph 10.09 (1)(b) and Section 4.1.5 of Practice Note 12/2001 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(ix) Material Contracts

There were no material contracts (not being contracts entered into in the ordinary course of business) entered into by the Company and its subsidiary companies involving directors and major shareholders, which subsisted at the end of the financial year ended 31 December 2005 or, if not then subsisting, entered into since the end of the previous financial year.

Disclosed in accordance with Appendix 9C, Part A, item 20 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(x) Revaluation Policy

The Company did not have a revaluation policy on landed properties.

Disclosed in accordance with Appendix 9C, Part A, item 23 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

(xi) Directors' Training

All the Directors who were required to complete the Continuing Education Programme and the Mandatory Accreditation Programme ("MAP") as prescribed by Bursa Securities during the financial year ended 31 December 2005 have successfully completed the programmes. The Directors will continue to attend other relevant training programmes as appropriate to enhance their skills and knowledge.

Disclosed in accordance with Appendix 9C, Part A, item 27 of the Listing Requirements of Bursa Securities.

maklumat pematuhan tambahan

Maklumat di bawah dibentangkan untuk mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities").

- (i) **Penggunaan Kutipan yang Dikumpul daripada Cadangan Korporat**
Tidak ada kutipan yang telah dikumpulkan oleh Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 12 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (ii) **Pembelian Balik Saham**
Syarikat tidak meminta kelulusan daripada para pemegang saham untuk membeli sahamnya sendiri. Oleh itu, syarikat tidak membeli sebarang sahamnya sendiri pada tahun ini dan tidak ada saham yang disimpan sebagai saham perbendaharaan.

Didedahkan selaras dengan Perenggan 12.24, Lampiran 12D Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (iii) **Opsyen, Waran atau Sekuriti Boleh Tukar**
Syarikat tidak menerbitkan sebarang opsyen, waran atau sekuriti boleh tukar pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 selain daripada pemberian opsyen di bawah Skim Pilihan Saham Kakitangan MRCB.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 14 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (iv) **American Depository Receipt ("ADR") atau Global Depository Receipt ("GDR") Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR.**
Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 15 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (v) **Jaminan Keuntungan**
Tiada jaminan keuntungan telah diberi oleh syarikat pada tahun kewangan ini.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 19 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (vi) **Sekatan dan/atau Penalti Yang Dikenakan**

Tiada sekatan dan/atau penalti yang telah dikenakan oleh badan-badan penguatkuasaan undang-undang berkaitan ke atas MRCB dan syarikat-syarikat subsidiarinya, para pengarah atau pengurusan syarikat.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 16 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (vii) **Yuran bukan Audit**

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar kepada juruaudit luar pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 adalah RM111,000.00 dan RM104,400 bagi masing-masing Kumpulan dan Syarikat.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 17 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (viii) **Perbezaan Keputusan**

Terdapat perbezaan sebanyak 17.96% dalam Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti di antara yang tertera di dalam keputusan suku keempat yang telah diumumkan pada 24 Februari 2006 dan yang tertera di dalam Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

Untuk keterangan lanjut sila rujuk Lampiran I di mukasurat 242, Laporan Tahunan ini.

Kumpulan tidak mengeluarkan sebarang ramalan keuntungan pada tahun kewangan ini.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 18 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (xii) **Urutiaga Pihak Berkaitan Berulang yang Berbentuk Hasil atau Perdagangan**

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang dijalankan pada 20 Jun 2005, Syarikat telah memperolehi mandat daripada para pemegang sahamnya untuk membolehkan Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya menjalankan urutiaga pihak berkaitan berulang yang berbentuk hasil atau perdagangan.

Nilai agregat setiap urutiaga-urutiaga pihak berkaitan yang bercadang dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 adalah tidak melebihi RM1 juta melainkan seperti berikut:

Syarikat yang terlibat dalam Kumpulan MRCB	Pihak Berkaitan	Kepentingan Pihak Berkaitan	Pelbagai Urusiaga	Nilai Urusiaga (RM)
MRCB	Sistem Television Malaysia Berhad ("STMB")	Real mild (M) Sdn Bhd Datuk Seri Anwar Jamalullail	Sewa Sri Pentas 2, Plaza Alam Sentral kepada STMB	1,024,965

Didedahkan selaras dengan Perenggan 10.09 (1)(b) dan Seksyen 4.1.5 Nota Amalan 12/2001 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (ix) **Kontrak-kontrak Penting**

Tiada kontrak penting (kecuali kontrak yang telah dimeterai dalam urusan biasa perniagaan) yang ditandatangani oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang melibatkan para pengarah dan pemegang saham utama, yang wujud pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005, atau jika tidak wujud, dimeterai sejak akhir tahun kewangan lepas.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 20 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (x) **Dasar Penilaian Semula**

Syarikat tidak mempunyai dasar penilaian semula berkenaan hartanah.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 23 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

- (xi) **Latihan Pengarah**

Semua Pengarah yang dikehendaki menghadiri Program Pendidikan Berterusan dan Program Akreditasi Mandatori (MAP) seperti yang ditetapkan oleh Bursa Securities pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 telah berjaya menjalani latihan masing-masing. Para Pengarah akan terus menghadiri program latihan yang sesuai untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Didedahkan selaras dengan Lampiran 9C, Bahagian A, perkara 27 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

material contracts

MRCB (January 2005 – December 2005)

1. Share Sale Agreement dated 17 January 2005 between Telekom Malaysia Berhad (“Telekom”), MRCB and Sibexlink Sdn. Bhd. (“Sibexlink”) for the disposal of Telekom’s 1,450,000 ordinary shares of RM1.00 each in Sibexlink to MRCB for a consideration of RM1.00 to be satisfied in cash. This transaction was completed on 27 July 2005 (Date transfer of shares).
2. Share Sale Agreement dated 17 January 2005 between South Investment, Trade and Technology Data Exchange Centre (“SITTDEC”), MRCB and Sibexlink Sdn. Bhd. (“Sibexlink”) for the disposal of SITTDEC’s 1,000,000 ordinary shares of RM1.00 each in Sibexlink to MRCB for a consideration of RM1.00 to be satisfied in cash. This transaction was completed on 27 July 2005 (Date transfer of shares).
3. Share Sale Agreement dated 17 January 2005 between Malaysian South-South Corporation Berhad (“MSCB”), MRCB and Sibexlink Sdn. Bhd. (“Sibexlink”) for the disposal of MSCB’s 1,000,000 ordinary shares of RM1.00 each in Sibexlink to MRCB for a consideration of RM1.00 to be satisfied in cash. This transaction was completed on 27 July 2005 (Date transfer of shares).
4. Contract Document No. JKR/IP/CKUB/16 dated 24 March 2005 between Jabatan Kerja Raya Malaysia on behalf of Government of Malaysia and Konsortium Malaysian Resources Corporation Berhad, Gabungan Kesturi Sdn. Bhd. and HSS Projects Sdn. Bhd. (“Konsortium”) for the upgrading of Federal Routes from Sabak Bernam to Changkat Jering, pakej A – Jambatan Sg. Bernam dan Jalan Tuju (the “Project”), where the Konsortium has been awarded the said Project for the total cost of RM67,080,800.75.
5. Sale and Purchase Agreement dated 19 May 2005 between Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. (“KLSSB”) and United Engineers Malaysia Berhad (“UEM”), whereby KLSSB agreed to sell to UEM a piece of land and deck at parcel A held under Geran 46225, Lot 77, Section 70, District of Kuala Lumpur, State of Wilayah Persekutuan measuring approximately 4,624 sq. metres together with deck structure for the consideration of RM54 million. The Sale and Purchase Agreement was supplemented by a Supplemental Agreement dated 26 July 2005.
6. Subscription Agreement dated 1 June 2005 between Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd. (“Kesturi”), MRCB and Ekovest Berhad for redeemable preference shares (“RPS”) in Kesturi, whereby MRCB agreed to subscribe up to RM58.5 million Kesturi RPS comprising of 585 RPS at an issue price of RM100,000.00 each. Kesturi has yet to call for MRCB to redeem the RPS.
7. Sale and Purchase Agreement dated 2 December 2005 between Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. (“KLSSB”) and Quill Realty Sdn. Bhd., (“QRSB”) whereby KLSSB agreed to sell to QRSB a piece of land and deck at Parcel D held under Geran 46225, Lot 77, Section 70, District of Kuala Lumpur, State of Wilayah Persekutuan measuring approximately 5,524 sq. metres together with deck structure for a consideration of RM57.5 million. The Sale and Purchase Agreement is pending completion.

kontrak-kontrak penting

MRCB (Januari 2005 – Disember 2005)

1. Perjanjian Penjualan Saham bertarikh 17 Januari 2005 antara Telekom Malaysia Berhad ("Telekom"), MRCB dan Sibexlink Sdn. Bhd. ("Sibexlink") bagi penjualan 1,450,000 saham biasa Telekom bernilai RM1.00 sesaham dalam Sibexlink kepada MRCB untuk pembayaran sebanyak RM1.00 yang akan dibayar secara tunai. Urusniaga ini telah diselesaikan pada 27 Julai 2005 (Tarikh pemindahan saham).
2. Perjanjian Penjualan Saham bertarikh 17 Januari 2005 antara South Investment, Trade and Technology Data Exchange Centre ("SITTDEC"), MRCB dan Sibexlink Sdn. Bhd. ("Sibexlink") bagi penjualan 1,000,000 saham biasa SITTDEC bernilai RM1.00 sesaham dalam Sibexlink kepada MRCB untuk pembayaran sebanyak RM1.00 yang akan dibayar secara tunai. Urusniaga ini telah diselesaikan pada 27 Julai 2005 (Tarikh pemindahan saham).
3. Perjanjian Penjualan Saham bertarikh 17 Januari 2005 antara Malaysian South-South Corporation Berhad ("MSCB"), MRCB dan Sibexlink Sdn. Bhd. ("Sibexlink") bagi penjualan 1,000,000 saham biasa MSCB bernilai RM1.00 sesaham dalam Sibexlink kepada MRCB untuk pembayaran sebanyak RM1.00 yang akan dibayar secara tunai. Urusniaga ini telah diselesaikan pada 27 Julai 2005 (Tarikh pemindahan saham).
4. Dokumen Kontrak No. JKR/IP/CKUB/16 bertarikh 24 Mac 2005 antara Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi pihak Kerajaan Malaysia dan Konsortium Malaysian Resources Corporation Berhad, Gabungan Kasturi Sdn. Bhd. dan HSS Projects Sdn. Bhd. ("Konsortium") bagi menaiktaraf Jalanraya Persekutuan dari Sabak Bernam ke Changkat Jering pakej A, Jambatan Sg. Bernam dan Jalan Tuju ("Projek"), di mana Konsortium telah diberi Projek tersebut untuk jumlah kos sebanyak RM67,080,800.75.
5. Perjanjian Jual Beli bertarikh 19 Mei 2005 antara Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. ("KLSSB") dan United Engineers Malaysia Berhad ("UEM"), di mana KLSSB bersetuju untuk menjual kepada UEM sebidang tanah dan dek di parsel A yang dipegang di bawah Geran 46225, Lot 77, Seksyen 70, Daerah Kuala Lumpur, Negeri Wilayah Persekutuan seluas kira-kira 4,624 meter persegi berserta struktur dek untuk pembayaran sebanyak RM54 juta. Perjanjian Jual Beli telah ditambah dengan satu Perjanjian Tambahan bertarikh 26 Julai 2005.
6. Perjanjian Langganan bertarikh 1 Jun 2005 antara Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd. ("Kesturi"), MRCB dan Ekovest Berhad bagi saham keutamaan boleh ditebus ("RPS") dalam Kesturi, di mana MRCB bersetuju untuk melanggan sehingga RM58.5 juta RPS Kesturi yang meliputi 585 RPS pada harga terbitan sebanyak RM100,000.00 sesaham. Kesturi masih belum memanggil MRCB untuk menebus RPS tersebut.
7. Perjanjian Jual Beli bertarikh 2 Disember 2005 antara Kuala Lumpur Sentral Sdn. Bhd. ("KLSSB") dan Quill Realty Sdn. Bhd. ("QRSB") di mana KLSSB bersetuju untuk menjual kepada QRSB sebidang tanah dan dek di Parsel D yang dipegang di bawah Geran 46225, Lot 77, Seksyen 70, Daerah Kuala Lumpur, Negeri Wilayah Persekutuan seluas kira-kira 5,524 meter persegi berserta struktur dek untuk pembayaran sebanyak RM57.5 juta. Perjanjian Jual Beli masih belum diselesaikan.